

KANDUNGAN

VERSI BAHASA MALAYSIA

- | | | |
|----|--|----|
| 1. | KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA) 2014 | 1 |
| 2. | PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI
MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014 | 24 |
-

ENGLISH VERSION

- | | | |
|----|--|-----|
| 3. | UNIVERSITY OF MALAYA
(MASTER'S DEGREE) RULES 2014 | 98 |
| 4. | UNIVERSITY OF MALAYA
(MASTER'S DEGREE) REGULATIONS 2014 | 111 |

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA) 2014**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2014**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA) 2014**

SUSUNAN KAEDAH

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Kaedah

1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II
PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN**

3. Program Pengajian
4. Syarat Kemasukan
5. Kemasukan Pelajar Pemerhati

**BAHAGIAN III
PENDAFTARAN**

6. Pendaftaran Sebagai Calon

**BAHAGIAN IV
BAYARAN**

7. Menjelaskan Bayaran
8. Hak Mengubah Kadar Yuran Dan Bayaran
9. Tempoh Menjelaskan Yuran Dan Bayaran Lain
10. Kegagalan Menjelaskan Yuran Dan Bayaran Lain

**BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN**

- 11. Tempoh Program Pengajian
- 12. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum
- 13. **Penggantungan Program Pengajian Calon**

**BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

- 14. Program Pengajian
- 15. Struktur Program Pengajian

**BAHAGIAN VII
SYARAT BAHASA**

- 16. Syarat Bahasa Malaysia
- 17. Syarat Bahasa Inggeris

**BAHAGIAN VIII
PEPERIKSAAN**

- 18. Peperiksaan
- 19. Jawatankuasa Pemeriksa

**BAHAGIAN IX
PENGIJAZAHAN**

- 20. Syarat Pengijazahan

**BAHAGIAN X
AM**

- 21. Penamatan Pencalonan
- 22. Kuasa Senat Membuat Peraturan
- 23. Pengecualian Pemakaian
- 24. Pematuhan Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti
- 25. Pembatalan

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010], Lembaga Pengarah Universiti membuat kaedah-kaedah berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2014** dan hendaklah berkuat kuasa mulai sesi akademik **2014/2015**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua calon program ijazah Sarjana yang diterima masuk sebelum dan mulai sesi akademik **2014/2015** **KECUALI calon yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana di Institut Asia Eropah.**

Tafsiran

2. Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain—

"Bursar" ertinya, seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Perlembagaan;

"bilik peperiksaan" ertinya premis untuk menjalankan peperiksaan bagi sesuatu kursus atau kursus-kursus;

"calon" ertinya seseorang yang telah berdaftar bagi menjalani mana-mana program pengajian ijazah Sarjana Universiti;

"Dekan Fakulti" ertinya Dekan Fakulti Universiti dan termasuk mana mana Pengarah atau Ketua Akademi, Pusat, Sekolah atau Institut yang dilantik di bawah subseksyen 24(4) dan (5) Perlembagaan;

"disertasi" ertinya suatu hasil bertulis dari penyelidikan yang telah dijalankan berkaitan dengan suatu program pengajian ijazah Sarjana Secara Penyelidikan atau ijazah Sarjana Secara Kursus dan Penyelidikan;

"Fakulti" ertinya mana mana Fakulti Universiti dan termasuk mana mana Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 24(1) Perlembagaan;

"guru" ertinya seorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, fellow, penolong profesor, reader, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi dan tutor;

"Ijazah" ertinya ijazah Sarjana Universiti;

"Jabatan" ertinya mana mana jabatan pengajian Fakulti dan termasuk mana-mana bahagian pengajian Fakulti;

"Jawatankuasa Pemeriksa" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di setiap Fakulti untuk maksud menimbang dan menilai keputusan peperiksaan calon sepertimana yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan kepada Kaedah-Kaedah ini;

"Keperluan dan syarat" ertinya Keperluan dan Syarat Khusus Bagi Program Ijazah Sarjana Universiti Malaya yang perlu dibaca bersama dengan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2014 dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2014

“Kalender Pengajian” ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu semester yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor.

“Ketua Jabatan” ertinya Ketua mana-mana Jabatan pengajian Fakulti termasuk Pengerusi mana-mana bahagian pengajian Fakulti atau Penyelaras Program di mana berkenaan;

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“nilai kredit” ertinya pengiraan sistem kredit yang digunakan berdasarkan beban sebenar jam pengajaran calon yang meliputi semua jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan;

"kursus" ertinya satu unit pengajian atau latihan yang dijalankan sepanjang satu tempoh yang ditetapkan, biasanya dalam satu semester, yang menyumbang kredit kepada sesuatu program pengajian;

"laporan penyelidikan" ertinya hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh calon program pengajian ijazah Sarjana Secara Kursus atau ijazah Sarjana Secara Kursus Klinikal semasa pencalonannya dan termasuk kertas penyelidikan, kertas projek, laporan projek dan hasil penyelidikan berkenaan yang dikenali dengan apa jua nama;

"Naib Canselor" ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik Universiti yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) Perlembagaan;

“Pemeriksa Dalam” ertinya seseorang guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa sesuatu kursus, sebahagian daripada kursus itu atau disertasi calon;

“Pemeriksa/Penilai Luar” ertinya seseorang bukan guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk memeriksa dan menilai kursus untuk sesuatu atau lebih program pengajian Ijazah atau disertasi calon;

"Pendaftar" ertinya seorang pegawai Universiti seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 14 Perlembagaan;

“pengawas” ertinya pengawas dan termasuk ketua pengawas yang dilantik oleh Naib Canselor atau oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Naib Canselor daripada kalangan guru sepenuh masa Universiti untuk mengawas peperiksaan sesuatu program pengajian Ijazah;

"penyelia" ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan kakitangan akademik Universiti dan termasuk Profesor Emeritus Universiti, Profesor Adjung Universiti, penyelidik pasca-doktoral atau felo penyelidik untuk menyelia calon dalam program pengajiannya;

“penyelia bersama” ertinya seseorang yang dilantik oleh Fakulti daripada kalangan kakitangan akademik yang telah meninggalkan perkhidmatan Universiti di mana khidmat seliaannya masih diperlukan untuk membantu calonnya menyempurnakan program pengajian dan boleh termasuk kakitangan akademik **dari universiti lain**;

"Perlembagaan" ertinya Perlembagaan Universiti Malaya;

“perunding” ertinya seseorang yang bukan kakitangan akademik mana mana universiti yang dilantik oleh Fakulti untuk membantu dalam penyeliaan calon dalam program pengajiannya;

“program pengajian” ertinya kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk anugerah ijazah Sarjana;

“program pengajian secara Kursus” ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(1);

“program pengajian secara Kursus Klinikal” ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(2);

“program pengajian secara Kursus dan Penyelidikan” ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(3);

“program pengajian secara Penyelidikan” ertinya program pengajian yang ditakrifkan di bawah subkaedah 3(4);

"semester" ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi akademik dan terdiri daripada semester biasa dan semester khas;

“Semester Biasa” ertinya Semester I atau Semester II sepertimana yang dinyatakan dalam **Kalendar Pengajian**;

“Semester Khas” ertinya semester yang diadakan selepas semester II yang tempohnya lebih pendek daripada Semester Biasa;

"Senat" ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan di bawah Seksyen 22 Perlembagaan;

“sesi akademik” ertinya tempoh pengajian sesuatu program pengajian yang terdiri daripada dua (2) semester biasa dan semester khas yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Naib Canselor;

“tahun akademik” ertinya tempoh dua belas (12) bulan yang tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah seperti mana yang ditetapkan oleh Naib Canselor;

“tahun kalendar” ertinya jangka waktu (masa) yang tempohnya adalah dua belas (12) bulan;

"tempat pengajian" ertinya Universiti termasuk mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Universiti;

"Universiti" ertinya Universiti Malaya.

BAHAGIAN II

PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN

Program Pengajian

3. Program pengajian hendaklah diklasifikasikan seperti berikut:

(1) Ijazah Sarjana secara Kursus, iaitu program pengajian secara perkuliahan sepenuhnya yang boleh melibatkan penghasilan laporan penyelidikan;

(2) Ijazah Sarjana secara Kursus Klinikal, iaitu program pengajian secara kursus klinikal yang melibatkan penghasilan laporan penyelidikan;

(3) Ijazah Sarjana secara Kursus dan Penyelidikan, iaitu program pengajian secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan disertasi. Calon hendaklah menjalankan penyelidikan setelah ia berjaya menyempurnakan semua perkuliahan yang ditetapkan dalam program pengajiannya melainkan dibenarkan selainnya secara bertulis;

dan

(4) Ijazah Sarjana secara Penyelidikan, iaitu program pengajian secara penyelidikan sepenuhnya yang membawa kepada penghasilan disertasi.

Syarat Kemasukan

4. (1) Kelayakan minimum bagi kemasukan ke program pengajian berkenaan hendaklah seperti berikut:

(a) Program Secara Kursus; dan

(b) Program Secara Kursus Klinikal

(i) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan atau Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;

(ii) kelayakan ikhtisas dari badan profesional yang diiktiraf; atau

(iii) kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

(c) Program Secara Kursus dan Penyelidikan

(i) ijazah Sarjana Muda atau setaraf dengannya;

(ii) kelayakan ikhtisas dari badan profesional yang diiktiraf; atau

(iii) kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

(d) Program Secara Penyelidikan

(i) ijazah Sarjana Muda dengan kepujian atau setaraf dengannya; atau

(ii) ijazah Sarjana Muda dengan:

(A) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja yang relevan; atau

(B) bukti penerbitan dalam bidang yang berkaitan;

(iii) kelayakan ikhtisas dari badan profesional yang diiktiraf; atau

(iv) kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

(2) Tertakluk kepada keperluan untuk memenuhi syarat kelayakan minimum seperti yang dinyatakan dalam subkaedah (1) di atas, pemohon juga hendaklah memenuhi keperluan khas yang ditetapkan oleh Fakulti bagi setiap program pengajian Ijazah yang berkenaan.

(3) Walau apapun peruntukan dalam subkaedah (1) dan (2) di atas, dalam kes-kes yang tertentu dan tertakluk kepada kelulusan Senat, Fakulti boleh diberi kelonggaran untuk menerima pemohon yang mempunyai kelayakan selain daripada yang terkandung dalam syarat kemasukan yang sedia ada.

(4) Kemasukan seseorang **pemohon** hendaklah atas budi bicara Fakulti. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu Dekan Fakulti boleh, atas perakuan Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi urusan program pascasiswazah dan Ketua Jabatan berkenaan, menerima masuk seseorang yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan dengan PNGK tidak kurang daripada 3.0 atau setaraf dengannya.

(5) Pemohon bukan warganegara Malaysia yang memperolehi ijazahnya dari universiti atau institusi pengajian tinggi yang tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi ijazah berkenaan yang ingin mengikuti program pengajian ijazah dan/atau menulis disertasinya dalam bahasa Inggeris adalah dikehendaki:

(a) memperoleh skor **minimum** sebanyak 550 untuk jumlah berasaskan kertas, skor sebanyak 213 bagi jumlah berasaskan komputer atau skor sebanyak 80 bagi jumlah berasaskan internet bagi Test of English as a Foreign Language (TOEFL); atau

(b) memperoleh **minimum** band 6 bagi International English Language Testing System (IELTS) **Academic**;

(6) Sekiranya pemohon tidak mempunyai kelayakan sama ada yang ditetapkan dalam perenggan (5)(a) atau (b), pemohon boleh dipertimbangkan untuk diterima masuk tertakluk kepada lulus mana-mana ujian bahasa Inggeris yang diiktiraf oleh Senat sebelum dibenarkan mendaftar program pengajian Ijazah yang berkenaan.

(7) Walau apapun yang diperuntukkan dalam perenggan 5(a) dan (b) Kaedah-Kaedah ini, tertakluk kepada kelulusan Senat, Fakulti boleh, berdasarkan keperluan program ijazah Sarjana berkenaan, mengenakan:

(a) peringkat kecekapan bahasa Inggeris yang lebih tinggi bagi semua pemohon bukan warganegara Malaysia program ijazah Sarjana berkenaan; atau

(b) peringkat kecekapan bahasa Inggeris yang minimum bagi semua pemohon warganegara Malaysia program ijazah Sarjana berkenaan; atau

(c) peringkat kecekapan bahasa Inggeris selain dari perenggan 5(a) dan (b) di atas bagi pemohon bukan warganegara Malaysia program ijazah Sarjana berkenaan.

Kemasukan Pelajar Pemerhati

5. (1) Pelajar Pemerhati ialah calon daripada luar universiti yang diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus tertentu atau menjalankan penyelidikan bagi program pengajian ijazah di Universiti, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah pelajar program pengajian universiti.

(2) Kemasukan Pelajar Pemerhati hendaklah atas budi bicara Dekan Fakulti.

BAHAGIAN III PENDAFTARAN

Pendaftaran Sebagai Calon

6. (1) Calon yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian Ijazah dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut peraturan di bawah Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2014.

- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, calon yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) di atas adalah pelajar Universiti dan digelar calon program pengajian Ijazah. Nama calon tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga calon berjaya menamatkan program pengajian ijazahnya dan Senat mengesahkan calon tersebut layak dianugerahkan Ijazah atau sehingga atas sebab tertentu calon tersebut hilang status menjadi pelajar Universiti mengikut yang mana terdahulu.

- (3) Setiap calon yang telah mendaftar untuk program pengajian ijazah yang telah ditawarkan kepadanya hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti.

- (4) Mana-mana calon yang gagal mendaftar secara berterusan dengan Universiti akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti.

- (5) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) di atas dan tertakluk kepada subkaedah (3) di atas, Senat boleh pada bila-bila masa menamatkan pendaftaran mana-mana calon sekiranya pada pandangan Senat calon tersebut atas sebab-sebab akademik yang ditentukan oleh Senat, tidak mampu meneruskan program pengajian ijazahnya dan nama calon tersebut hendaklah digugurkan dari senarai daftar pelajar Universiti dan calon tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat

yang dibuat menurut peruntukan subkaedah (5) ini adalah muktamad.

BAHAGIAN IV BAYARAN

Yuran Dan Bayaran Lain

7. Calon hendaklah menjelaskan semua yuran dan bayaran lain mengikut peraturan seperti mana yang ditetapkan oleh Universiti.

Hak Mengubah Kadar Yuran Dan Bayaran

8. Pihak Universiti mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada calon.

Tempoh Menjelaskan Yuran Dan Bayaran Lain

9. Calon hendaklah membayar semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

Kegagalan Menjelaskan Yuran Dan Bayaran Lain

10. Kegagalan seseorang calon menjelaskan semua yuran dan bayaran lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh menyebabkan pelajar berkenaan dihalang daripada mendapat keputusan peperiksaan bagi semester berkenaan dan mendaftar kursus pada semester berikutnya atau statusnya sebagai pelajar Universiti ditamatkan.

BAHAGIAN V TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN

Tempoh Program Pengajian

11. Calon hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajian ijazahnya dalam tempoh yang ditetapkan.

Tempoh Minimum Dan Tempoh Maksimum

12. (1) (a) Tempoh minimum pengajian bagi mana mana program ijazah Sarjana selain daripada program ijazah Sarjana klinikal adalah selama dua (2) semester biasa melainkan Senat meluluskan suatu tempoh yang berlainan.
- (b) Tempoh maksimum pengajian bagi mana mana program ijazah Sarjana selain daripada program ijazah Sarjana Klinikal adalah selama lapan (8) semester biasa.
- (2) (a) Tempoh minimum pengajian bagi mana mana program ijazah Sarjana klinikal adalah selama empat (4) tahun melainkan Senat meluluskan suatu tempoh yang berlainan.
- (b) Tempoh maksimum pengajian bagi mana mana program ijazah Sarjana klinikal adalah selama tujuh (7) tahun melainkan Senat meluluskan suatu tempoh yang berlainan.
- (3) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah (1) dan (2) di atas, dalam keadaan tertentu, Dekan Institut Pengajian Siswazah atau pegawai lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti boleh melanjutkan tempoh pencalonan yang melampaui tempoh maksimum sepertimana yang ditetapkan dalam subkaedah (1) dan (2) di atas.

Penggantungan Program Pengajian Calon

13. Tempoh penggantungan program pengajian pelajar yang dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 tidak boleh diambil kira dalam tempoh maksimum program pengajian.

BAHAGIAN VI STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

Program Pengajian

14. Program pengajian yang ditawarkan oleh Universiti adalah seperti mana yang ditetapkan dalam Keperluan dan Syarat Khusus bagi program pengajian berkenaan yang diluluskan dari semasa ke semasa.

Struktur Program Pengajian

15. Calon dikehendaki mengikuti dan memenuhi jumlah kredit keseluruhan yang ditetapkan bagi program pengajian masing-masing seperti mana yang diluluskan oleh Senat.

BAHAGIAN VII SYARAT BAHASA

Syarat Bahasa Malaysia

16. (1) Calon warganegara Malaysia dikehendaki memperoleh sekurang-kurangnya gred lulus dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau Peringkat III Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia atau Peringkat III Sijil Intensif Bahasa Malaysia Universiti atau di peringkat setaraf dengannya sebelum dianugerahkan Ijazahnya.
- (2) Calon bukan warganegara Malaysia dikehendaki menghadiri dengan memuaskan suatu kursus Bahasa Malaysia yang dikendalikan oleh Universiti sebelum

dianugerahkan Ijazahnya melainkan ia memperoleh sekurang-kurangnya;

- (a) gred lulus dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
- (d) Peringkat III Sijil Kecekapan Bahasa Malaysia atau Peringkat III Sijil Intensif Bahasa Malaysia Universiti; atau
- (e) gred lulus kursus Bahasa Malaysia yang diiktiraf oleh Universiti.

(3) Walau apapun yang diperuntukkan oleh subkaedah (2) di atas keperluan syarat Bahasa Malaysia adalah dikecualikan bagi calon **bukan warganegara** yang telah mengikuti pengajian dalam Bahasa Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi **Awam dan Swasta tempatan**.

Syarat Bahasa Inggeris

17. Calon bukan warganegara Malaysia yang mengikuti program pengajian dan/atau menulis disertasi dalam bahasa selain daripada bahasa Inggeris dikehendaki memenuhi syarat seperti berikut :

Sebelum dianugerahkan Ijazahnya.

- (1) lulus kursus bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Senat; atau
- (2) memperoleh skor sebanyak 500 Test of English as a Foreign Language (TOEFL); atau
- (3) (3) memperoleh band 5 bagi International English Language Testing System (IELTS)

BAHAGIAN VIII PEPERIKSAAN

Peperiksaan

18. Peperiksaan hendaklah diadakan bagi program pengajian Ijazah secara—

- (1) Kursus / **Kursus Klinikal**;
- (2) Kursus dan Penyelidikan; atau
- (3) Penyelidikan

yang tertakluk kepada peraturan-peraturan di dalam Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) **2014**.

Jawatankuasa Pemeriksa

19. Maka hendaklah ada Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan bagi setiap program pengajian.

BAHAGIAN IX PENGIJAZAHAN

Syarat Pengijazahan

20. (1) Calon boleh dianugerahkan Ijazah yang berkenaan tertakluk kepada ia telah—
- (a) memenuhi segala keperluan kaedah-kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
 - (b) memenuhi syarat bahasa seperti yang ditetapkan dalam kaedah **16** dan kaedah **17**;

(c) diperakukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa untuk dianugerahkan ijazah dan diluluskan oleh Senat;

(d) memenuhi segala keperluan lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa; dan

(e) membayar semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan oleh Universiti.

(2) Walau apapun keputusan berhubung dengan pengijazahan seseorang calon universiti berhak untuk menarik balik penganugerahan ijazah seseorang calon jika universiti berpuas hati bahawa seseorang calon tersebut telah memalsukan syarat pengijazahan dan atau apa-apa perbuatan calon yang pada pandangan universiti tidak layak dianugerahkan ijazahnya.

BAHAGIAN X AM

Penamatan Pencalonan

21. Senat berhak menamatkan pencalonan seseorang calon yang didapati telah memberikan maklumat palsu serta tidak benar berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti.

Kuasa Senat Membuat Peraturanan

22. Senat boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

Pengecualian Pemakaian

23. Walau apapun dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat boleh memberi pengecualian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya.

Pematuhan Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti

24. Setiap calon adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, semua Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Pembatalan

25. Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2010 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada _____

Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti

**PERATURAN-PERATURAN
UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA) 2014**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA) 2014**

SUSUNAN PERATURAN

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian

**BAHAGIAN II
PERMOHONAN KEMASUKAN**

2. Iklan dan Permohonan

**BAHAGIAN III
PENDAFTARAN**

3. Pendaftaran Permulaan
4. **Pendaftaran Pelajar Pemerhati**
5. Pendaftaran Kursus
6. Pembaharuan Pencalonan
7. Pendaftaran Serentak
8. Kehadiran Dalam Program Pengajian
9. Penarikan Diri Dari Kursus
10. Penarikan Diri Dari Semester
11. Penarikan Diri Dari Program Pengajian

**BAHAGIAN IV
BAYARAN**

12. Yuran dan Bayaran Lain

BAHAGIAN V STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

13. Penawaran dan Penyempurnaan Kursus
14. Pertukaran Mod Pengajian
15. Pertukaran Program Pengajian
16. Pertukaran Taraf Pencalonan Dari Program Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan Ke Program Ijazah Doktor Falsafah
17. Pemindahan Kredit
18. Pengecualian Kredit
19. Permohonan Pemindahan Dan Pengecualian Kredit

BAHAGIAN VI PENYELIAAN

20. Penyeliaan dan Kemajuan Pencalonan

BAHAGIAN VII DISERTASI ATAU LAPORAN PENYELIDIKAN

21. Ketetapan Bidang Penyelidikan dan Tajuk Laporan Penyelidikan atau Disertasi
22. Bahasa
23. Penyerahan

BAHAGIAN VIII PEPERIKSAAN

24. Bilangan dan Skop Peperiksaan
25. Jawatankuasa Pemeriksa
26. Program Pengajian Secara Kursus/**Kursus Klinikal**
27. Program Pengajian Secara Penyelidikan
28. Program Pengajian Secara Kursus Dan Penyelidikan
29. Penilai Luar Program dan Pemeriksa Luar
30. Pemeriksa Dalam
31. Perunding
32. Penilaian Peperiksaan Program Pengajian Secara Kursus
33. Penilaian Peperiksaan Program Pengajian Secara Kursus Klinikal

34. Penilaian Peperiksaan Program Pengajian Secara Penyelidikan
35. Penilaian Peperiksaan Program Pengajian Secara Kursus dan Penyelidikan
36. Kemasukan Sebagai Calon Peperiksaan
37. Penarikan Diri Dari Peperiksaan
38. **Ketidakhadiran Dalam Peperiksaan Secara Kursus/Kursus Klinikal**
39. **Pengendalian Peperiksaan Secara Kursus/Kursus Klinikal**
40. Kerahsiaan Urusan Peperiksaan

BAHAGIAN IX RAYUAN

41. Rayuan Untuk Semakan Semula Keputusan Peperiksaan Kursus/Kursus Klinikal
42. Rayuan Untuk Semakan Semula Keputusan Peperiksaan Disertasi
43. Rayuan Calon yang Gagal Keluar dari Peperiksaan Kursus dan Kursus Klinikal
44. Rayuan Untuk Mengaktifkan Pencalonan
45. Rayuan Untuk Melanjutkan Tempoh Maksimum Pencalonan

BAHAGIAN X PENGIJAZAHAN

46. Program Pengajian Secara Kursus
47. Program Pengajian Secara Kursus Klinikal Penyelidikan
48. Program Pengajian Secara Penyelidikan
49. Program Pengajian Secara Kursus Dan Penyelidikan
50. Penganugerahan Ijazah Dengan Cemerlang

BAHAGIAN XI KEMASUKAN SEMULA KE PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH

51. Kemasukan Semula Ke Program Pengajian Ijazah

BAHAGIAN XII AM

- 52. Kuasa Senat
- 53. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti
- 54. Mengaudit Kursus

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA) 2014**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh kaedah 22 Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2014, Senat membuat peraturan-peraturan seperti berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Nama, Mula Berkuat kuasa dan Pemakaian

1. (1) Peraturan-peraturan ini dinamakan **Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana) 2014** dan hendaklah berkuatkuasa mulai sesi akademik 2014/2015.
- (2) Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua calon program ijazah Sarjana yang diterima masuk sebelum dan pada sesi akademik 2014/2015 dan selepas itu **KECUALI** calon yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Institut Asia Eropah.

**BAHAGIAN II
PERMOHONAN KEMASUKAN**

Iklan dan Permohonan

2. (1) Program pengajian Ijazah Universiti hendaklah diiklankan dari semasa ke semasa.
- (2) Permohonan masuk ke program pengajian Ijazah hendaklah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan.

(3) Sekiranya Universiti menetapkan tarikh tutup permohonan untuk kemasukan ke program pengajian Ijazah, permohonan kemasukan tersebut hendaklah **diterima** pada atau sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN III PENDAFTARAN

Pendaftaran Permulaan

3. (1) Calon program Ijazah Sarjana secara Kursus atau secara Kursus dan Penyelidikan hendaklah mendaftar untuk program pengajian ijazahnya tidak lewat daripada dua (2) minggu dari tarikh permulaan semester di mana ia telah ditawarkan kemasukan ke program pengajian tersebut.
- (2) Calon program Ijazah Sarjana secara Penyelidikan boleh mendaftar untuk program pengajian tersebut pada bila-bila masa asalkan ianya tidak melebihi enam (6) bulan daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan atau dalam tempoh seperti yang ditetapkan oleh Fakulti di mana program pengajian tersebut diikuti.
- (3) Calon program Ijazah Sarjana secara Kursus Klinikal hendaklah mendaftar untuk program pengajiannya tidak lewat daripada sebulan dari permulaan sesi akademik di mana ia ditawarkan kemasukan.
- (4) Dalam keadaan tertentu, **bagi calon program pengajian secara kursus, kursus klinikal dan kursus dan penyelidikan** Dekan Fakulti atau mana-mana pegawai yang ditetapkan oleh Universiti atas perakuan Dekan Fakulti boleh membenarkan calon menangguhkan pendaftaran permulaannya ke semester **atau sesi yang berikutnya (mengikut mana berkenaan).**
- (5) **Dalam keadaan tertentu, bagi calon program pengajian secara penyelidikan Dekan Institut Pengajian Siswazah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah boleh membenarkan calon menangguhkan pendaftaran permulaannya ke semester yang berikutnya.**

(6) Sekiranya calon tidak mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan atau dalam tempoh penangguhan yang diluluskan maka tawaran kemasukan ke program pengajian ijazah tersebut adalah luput dengan sendirinya.

Pendaftaran Pelajar Pemerhati

4. (1) Dekan Fakulti boleh menggunakan budi bicara untuk menerima masuk seseorang calon sebagai pelajar pemerhati tertakluk kepada syarat berikut :
 - (a) tidak lebih dari satu tahun kalendar jika ia menjalankan penyelidikan atau tidak lebih dari satu sesi akademik jika ia mengikuti kursus; dan
 - (b) jumlah kursus yang boleh diambil tidak boleh lebih daripada dua pertiga ($2/3$) jumlah kredit maksimum yang ditetapkan untuk calon program pengajian ijazah dalam sesuatu semester.
 - (c) kursus yang diambil hendaklah daripada peringkat pengajian yang sama di universiti asal pelajar, Pelajar pemerhati tidak dibenarkan untuk mengambil kursus daripada peringkat pengajian yang lebih rendah atau lebih tinggi daripada peringkat pengajian di universiti asal.
- (2) Seseorang pelajar pemerhati yang mendaftar mana-mana kursus yang boleh menduduki peperiksaan akhir Universiti.
- (3) Keputusan peperiksaan akan diberikan kepada pelajar atau boleh dihantar terus kepada universiti atau institusinya.

Pendaftaran Kursus

5. (1) Calon program ijazah Sarjana dikehendaki mendaftar untuk mengikuti struktur program sepertimana yang ditetapkan di bawah Keperluan dan Syarat Khusus bagi program pengajian yang berkenaan.

(2) Calon diberi tempoh selama dua (2) minggu dari tarikh permulaan semester untuk menyempurnakan urusan pendaftaran kursus. Calon yang tidak menyempurnakan pendaftaran kursus dalam tempoh ini tidak dibenarkan mengikuti kursus tersebut.

(3) Calon dikehendaki mendaftar kursus dalam tempoh yang ditetapkan. Aktiviti yang terlibat dalam proses pendaftaran adalah seperti jadual di bawah.

Aktiviti	Semester Biasa	Semester Khas	Caj Yuran	Tempoh Pengajian
Tambah/Gugur				
(i) Tambah	Minggu 1 & 2	Minggu 1	Ya	Ya
(ii) Gugur	Minggu 1 & 2	Minggu 1	Tidak	Ya
Penarikan Diri				
Tarik Diri Kursus	Minggu 3 & 4	Minggu 2	Ya	Ya
Tarik Diri Semester Atas Sebab Peribadi	Minggu 1 - 2	Minggu 1	Tidak	Ya
	Minggu 3 - 7	Minggu 2	Ya	Ya
Tarik Diri Semester Atas Sebab Perubatan	Minggu 3 - 7	Minggu 2	Tidak	Ya
	Minggu 1 - 14	Minggu 1 - 7	Tidak	Tidak

(a) Calon diberi tempoh masa selama dua minggu dari tarikh permulaan semester untuk menyempurnakan pendaftaran kursus.

(b) Calon hendaklah mendaftar kursus berdasarkan struktur program pengajiannya. Mana-mana kursus yang didaftarkan selain daripada yang ditetapkan di dalam struktur program pengajian tidak akan diambilkira untuk tujuan penyempurnaan pengijazahan.

(4) Walau apapun peruntukan subperaturan 5(2) di atas, atas sebab-sebab tertentu Dekan Fakulti boleh meluluskan pendaftaran lewat seseorang calon sebagai kes khas. Calon tersebut akan dikenakan bayaran denda dan yuran-yuran lain atas kadar yang ditetapkan bagi kursus berkenaan.

Pembaharuan Pencalonan

6. (1) Calon program pengajian Ijazah Sarjana secara Kursus dan program pengajian Ijazah Sarjana secara Kursus dan Penyelidikan hendaklah memperbaharui pencalonannya tidak lewat dari dua (2) minggu dari tarikh permulaan semester yang berkenaan.

(2) Calon program pengajian Ijazah Sarjana secara Kursus dan Penyelidikan yang mengikuti komponen kursus hendaklah memperbaharui pencalonannya tidak lewat dari dua minggu dari tarikh permulaan semester yang berkenaan. Manakala bagi calon yang mengikuti komponen penyelidikan hendaklah memperbaharui pencalonannya tidak lewat dari tujuh (7) minggu dari tarikh permulaan semester yang berkenaan.

(3) Calon program pengajian Ijazah Sarjana secara Kursus Klinikal hendaklah memperbaharui pencalonannya tidak lewat dari tujuh (7) minggu dari tarikh permulaan sesi akademik yang berkenaan.

(4) Calon program pengajian Ijazah Sarjana secara Penyelidikan hendaklah memperbaharui pencalonannya tidak lewat dari tujuh (7) minggu dari tarikh permulaan semester yang berkenaan.

(5) Calon yang gagal untuk memperbaharui pencalonan dalam tempoh seperti yang ditetapkan dalam subperaturan (1), (2),(3) dan (4) boleh menyebabkan pencalonannya diluputkan melainkan calon dibenarkan mendaftar lewat. Calon tersebut akan dikenakan bayaran denda dan yuran-yuran lain atas kadar yang ditetapkan.

Pendaftaran Serentak

7. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), (3), dan (4) di bawah, calon tidak dibenarkan mendaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu ijazah di Universiti ini atau di universiti atau institusi lain.

(2) Fakulti boleh membenarkan calon mendaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu ijazah di Universiti ini atau universiti atau institusi lain dengan syarat–

(a) calon itu telah mengemukakan kepada Fakulti disertasi atau laporan penyelidikannya untuk pemeriksaan; dan

(b) program pengajian itu tidak sama dengan program pengajian ijazahnya yang didaftarkan di Universiti ini.

(3) Dalam keadaan di mana Universiti mengadakan program kerjasama dengan universiti atau institusi lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu ijazah, calon boleh dibenarkan untuk pendaftaran serentak.

(4) Calon dengan kelulusan daripada Dekan Fakulti boleh mendaftar dan mengikuti pada mana-mana satu masa, suatu program latihan dalam perkhidmatan yang diminta oleh majikannya jika program tersebut dijalankan bagi tempoh yang tidak melebihi satu (1) tahun.

(5) Tertakluk kepada subperaturan (2), (3), dan (4) di atas, mana-mana calon yang didapati melanggar subperaturan (1) di atas boleh ditamatkan pengajiannya tanpa pembayaran balik yuran dan bayaran lain yang telah dibayar.

Kehadiran Dalam Program Pengajian

8. (1) Calon diwajibkan menghadiri semua kelas. Calon yang tidak menghadiri mana-mana kelas dikehendaki memaklumkan alasan ketidakhadirannya kepada pensyarah dengan segera dengan menyertakan dokumen sokongan yang berkaitan. Pensyarah bertanggungjawab memaklumkan kepada calon tentang akibat ketidakhadiran dalam kelas dan dikehendaki menyimpan rekod kehadiran kelas.

(2) Calon boleh dengan kelulusan Fakulti menjalani sebahagian program pengajian ijazahnya di universiti atau institusi lain.

Penarikan Diri Dari Kursus

9. (1) Penarikan diri dari kursus bermakna penarikan diri dari satu atau lebih kursus dalam sesuatu semester. **Butiran penarikan diri dari kursus adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di peraturan 5(3).**

(2) Calon boleh menarik diri dari kursus tidak lewat dari minggu kedua (2) semester berkenaan. Calon tidak dikenakan yuran pengajian dan rekod pendaftaran kursus berkenaan dihapuskan.

(3) Calon yang menarik diri dari kursus selepas minggu kedua (2) sehingga minggu ketujuh (7) Semester Biasa akan dikenakan yuran pengajian bagi kursus dan dicatatkan Gred W bagi kursus berkenaan.

(4) Penarikan diri dari kursus selepas minggu ketujuh (7) Semester Biasa atau selepas minggu kedua (2) Semester Khas adalah tidak dibenarkan kecuali diluluskan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah atau pegawai yang ditetapkan oleh Universiti atas permohonan calon mengikut prosedur yang ditetapkan.

(5) Permohonan hanya akan dipertimbangkan atas alasan kecemasan yang disokong dengan bukti dokumentasi berkenaan atau atas alasan perubatan yang disokong dengan laporan perubatan yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan berdaftar.

(6) Sekiranya permohonan penarikan diri di perenggan (4) diluluskan, kursus berkenaan akan dicatatkan dengan Gred W. Yuran pengajian bagi kursus berkenaan akan tetap dikenakan. Sekiranya permohonan tidak diluluskan, calon dikehendaki meneruskan pengajiannya bagi kursus berkenaan. Calon akan diberikan Gred F sekiranya tidak menghadiri kursus dan tidak menduduki peperiksaan yang diadakan pada akhir semester berkenaan.

(7) Penarikan diri dari kursus atas alasan berikut tidak dibenarkan:

(a) Prestasi calon tidak memuaskan bagi mana-mana kursus;

(b) Kekurangan persediaan bagi kursus berkenaan; atau

(c) Tidak puas hati terhadap mana-mana kursus.

(8) Penarikan diri dari mana-mana kursus tidak dibenarkan apabila tempoh peperiksaan semester telah bermula.

(9) Calon yang berhenti daripada menghadiri kuliah sesuatu kursus tanpa penarikan diri secara rasmi akan diberi gred F dan dicatatkan dalam rekod rasmi calon bagi kursus yang berkenaan.

Penarikan Diri Dari Semester

10. (1) Penarikan diri dari semester bermakna penarikan diri dari kesemua kursus yang didaftarkan (jika ada) atau program pengajaran atau penyelidikan bagi semester berkenaan. Calon hanya dibenarkan menarik diri dari sesuatu semester selepas ia telah menjalani program pengajian sekurang-kurangnya satu (1) semester. Butiran penarikan diri dari semester adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual pada peraturan 5(3).

(2) Permohonan penarikan diri dari semester boleh diluluskan oleh Fakulti tertakluk kepada ianya diterima selewat-lewatnya pada hari Jumaat minggu kuliah ketujuh (7) semester berkenaan.

(3) Calon yang diluluskan untuk menarik diri dari semester :

(a) dikenakan yuran pengajian; dan

(b) rekod pendaftaran semester berkenaan dicatatkan gred WI.

(4) Calon tidak dibenarkan menarik diri dari semester selepas hari Jumaat minggu kuliah ketujuh (7) semester kecuali diluluskan oleh Dekan Fakulti berkenaan. Permohonan hanya akan dipertimbangkan atas alasan kecemasan yang disokong dengan bukti dokumentasi berkenaan atau atas alasan perubatan yang disokong dengan laporan perubatan yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan berdaftar.

(a) Sekiranya permohonan diluluskan, kursus berkenaan (sekiranya ada) akan dicatatkan dengan Gred WI. Yuran pengajian akan tetap dikenakan **kecuali atas alasan perubatan**.

(b) Sekiranya permohonan tidak diluluskan, calon dikehendaki meneruskan pengajiannya bagi semester berkenaan.

(5) Calon tidak dibenarkan menarik diri dari semester apabila tempoh peperiksaan semester telah bermula.

(6) Tempoh maksimum penarikan diri dari semester bagi calon adalah sebanyak dua (2) Semester Biasa sepanjang tempoh pengajiannya yang boleh diambil secara berterusan atau sebaliknya kecuali pada semester akhir pencalonan.

(7) Melainkan atas alasan perubatan yang disokong dengan laporan perubatan daripada pegawai perubatan berdaftar, tempoh di mana calon telah menarik diri akan diambilkira sebagai sebahagian dari tempoh maksimum pengajiannya.

Penarikan Diri Dari Program Pengajian

11. (1) **Penarikan diri dari Program Pengajian bermakna penarikan diri daripada program pengajian yang sedang diikuti oleh calon.**

(2) Permohonan penarikan diri dari program pengajian hendaklah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan melalui Dekan Fakulti kepada **Dekan Institut Pengajian Siswazah** atau mana-mana pegawai sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti; dan

(3) Sebarang keputusan terhadap penarikan diri dari program pengajian Ijazah adalah muktamad **dan dicatatkan Gred W2 bagi kursus berkenaan.**

BAHAGIAN IV BAYARAN

Yuran dan Bayaran Lain

12. (1) Calon hendaklah menjelaskan segala yuran dan bayaran lain yang kena dibayar kepada Universiti pada masa permulaan pendaftaran atau pada masa memperbaharui pencalonan melainkan ia dikecualikan daripada mana-mana yuran atau bayaran atau kedua-duanya.
- (2) Calon yang hendak menjelaskan mana-mana yuran atau bayaran lain yang kena dibayar kepada Universiti secara ansuran hendaklah membuat permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan kepada Bursar Universiti atau mana-mana pegawai lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Calon yang gagal menjelaskan mana-mana yuran atau bayaran lain atau sebahagian daripada yuran atau bayaran lain yang kena dibayar kepada Universiti **akan dikenakan mana-mana satu atau gabungan tindakan berikut.**
- (a) **Tidak dibenarkan mendaftar untuk semester berikutnya**
 - (b) **Tidak dibenarkan menduduki mana-mana peperiksaan program Ijazah**
 - (c) **Tidak dibenarkan menghadiri majlis konvokesyen**
 - (d) **Slip peperiksaan, transkrip atau skrol ijazah tidak akan diserahkan kepada calon.**

BAHAGIAN V STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

Penawaran dan Penyempurnaan Kursus

13. (1) **Fakulti akan menentukan kursus-kursus yang ingin ditawarkan dalam mana-mana semester. Setiap kursus baharu boleh ditawarkan jika mendapat kelulusan Senat.**
 - (2) Setiap kursus yang ditawarkan hendaklah diajar, diselesaikan dan diperiksa dalam satu (1) semester. Hanya kursus-kursus tertentu yang telah terlebih dahulu mendapat kelulusan Senat boleh dikendalikan bagi tempoh melebihi satu (1) semester.
 - (3) Jumlah kredit untuk komponen kursus bagi program pengajian Ijazah hendaklah sepertimana yang ditentukan oleh Fakulti dan Senat.

Pertukaran Mod Pengajian

14. Calon boleh mengemukakan permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan kepada Fakulti untuk menukar mod pengajiannya tertakluk kepada yang berikut:
 - (1) Permohonan dikemukakan tidak lewat dari tujuh (7) minggu dari tarikh pendaftaran permulaannya;
 - (2) Pertukaran hanya dibenarkan untuk sekali (1) sahaja sepanjang tempoh pengajiannya; dan
 - (3) Tempoh pengajian dalam program pengajian asal tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajian calon.
 - (4) Yuran yang telah dibayar bagi program pengajian asal akan diambil kira untuk program pengajian baharu. Sebarang kekurangan jumlah yuran harus dijelaskan oleh calon.

(5) Yuran yang telah dibayar bagi program pengajian asal akan diambil kira untuk program pengajian baharu. Sebarang kekurangan jumlah yuran harus dijelaskan oleh calon.

Pertukaran Program Pengajian

15. Calon boleh mengemukakan permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan untuk menukar program pengajiannya tertakluk kepada yang berikut:

(1) Pertukaran program pengajian diperakukan oleh Dekan Fakulti/Penyelaras di mana calon mengikuti program pengajiannya dan diluluskan oleh Fakulti pengajian program baharunya;

(2) Permohonan dikemukakan tidak lewat dari tujuh (7) minggu dari tarikh pendaftaran permulaannya;

(3) Dibenarkan untuk sekali sahaja sepanjang tempoh pengajiannya;

(4) Tempoh pengajian dalam program pengajian asal tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajian calon.

(5) Yuran yang telah dibayar bagi program pengajian asal akan diambil kira untuk program pengajian baharu. Sebarang kekurangan jumlah yuran harus dijelaskan oleh calon.

Penukaran Taraf Pencalonan Dari Program Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan Ke Program Ijazah Doktor Falsafah

16. (1) Calon program ijazah Sarjana secara penyelidikan boleh dipertimbangkan untuk penukaran taraf pencalonannya kepada pencalonan untuk ijazah Doktor Falsafah jika ia telah menyelesaikan sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan tetapi tidak melebihi lima belas (15) bulan pengajian dalam program ijazah Sarjananya pada masa permohonan untuk penukaran taraf.

(2) Calon yang ingin menukarkan pencalonannya daripada ijazah Sarjana kepada Ijazah Doktor Falsafah hendaklah:

(a) Membuat permohonan bertulis kepada Dekan bersama-sama dengan yang berikut:

(i) Satu laporan bertulis yang tidak melebihi 6,000 patah perkataan mengenai:

(A) Pengenalan dan skop penyelidikan;

(B) Objektif penyelidikan;

(C) Kaedah Penyelidikan;

(D) Hasil penyelidikan yang telah diperolehi setakat dua belas (12) bulan hingga lima belas (15) bulan yang lalu termasuk penghasilan—

(aa) satu kertas jurnal yang diterima untuk penerbitan dan satu pembentangan seminar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa;

atau

(bb) satu permohonan paten yang sedang menunggu kelulusan (“patent pending”) atau telah diluluskan dan satu pembentangan seminar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa;

atau

(cc) satu pencapaian lain yang ditetapkan oleh Fakulti dan satu pembentangan

seminar di peringkat
kebangsaan atau
antarabangsa;

dan

(E) Rancangan penyelidikan yang membawa ke peringkat ijazah Doktor Falsafah;

(ii) Sokongan dan laporan penyeliaanya; dan

(iii) Sokongan dan laporan ketua jabatan yang bertanggungjawab untuk program pengajiannya.

(b) Membentangkan hasil penyelidikannya dalam satu seminar di hadapan satu panel penilai yang terdiri daripada dua pakar dari dalam atau luar Universiti dalam bidang berkaitan seperti mana yang ditetapkan oleh Fakulti. Seminar tersebut hendaklah seboleh-bolehnya diadakan dalam masa sebulan daripada tarikh permohonan penukaran taraf pencalonan yang memenuhi peraturan 16(2)(a)(i), (ii) dan (iii) Peraturan-Peraturan ini diterima daripada calon.

(c) Tempoh pencalonan ijazah Sarjana diambil kira dalam tempoh pengajian Ijazah Doktor Falsafah.

Pemindahan Kredit

17. (1) “Pemindahan kredit” bermakna pemindahan kredit bersama-sama dengan gred yang diperolehi bagi kursus yang diambil oleh calon selepas diterima masuk untuk mengikuti program pengajian Ijazah di Universiti.

(2) Kredit yang diperolehi bersama-sama dengan gred dan mata gred bagi kursus berkenaan akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK calon. Kebenaran untuk pemindahan kredit antara lain, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) Kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit mempunyai pertindihan sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus (75%) dengan kursus yang ditawarkan di Universiti;

(b) Gred atau mata gred yang diperolehi untuk kursus berkenaan adalah tidak kurang daripada B atau 3.0 mengikut skim penggredan Universiti; dan

(c) Kursus yang dipohon mempunyai nilai kredit yang setara atau lebih dengan kursus yang ditawarkan di Universiti.

(d) Kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit hendaklah kursus dari program pengajian yang setaraf dengan program pengajian Ijazah.

(3) Dalam keadaan tertentu, kursus yang tidak diluluskan untuk pemindahan kredit boleh dipertimbangkan untuk pengecualian kredit tertakluk kepada syarat-syarat di subperaturan (2) di atas.

Pengecualian Kredit

18. (1) “Pengecualian kredit” bermakna pengecualian dari mendaftar dan mengikuti kursus yang ditetapkan untuk program pengajian Ijazah sepertimana yang diluluskan oleh Senat. Kebenaran untuk pengecualian kredit ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

(a) Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit telah diambil oleh calon sebelum diterima masuk ke program pengajian Ijazah;

(b) Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit mempunyai pertindihan sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus (75%) dengan kursus yang ditawarkan di Universiti;

(c) Gred atau mata gred yang diperolehi untuk kursus berkenaan adalah tidak kurang daripada B atau 3.0 **mengikut skim penggredan Universiti**;

(d) Kursus yang dipohon untuk pengecualian kredit hendaklah kursus dari program pengajian yang setaraf dengan program pengajian Ijazah.

(e) **Kursus yang dipohon mempunyai nilai kredit yang setara atau lebih dengan kursus yang ditawarkan di Universiti.**

(2) Kursus yang diluluskan pengecualian kredit akan diberikan Gred K dan kredit tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

(3) Dalam keadaan tertentu, kursus yang tidak diluluskan untuk pemindahan kredit boleh dipertimbangkan untuk pengecualian kredit tertakluk kepada syarat-syarat di subperaturan (1) di atas.

(4) **Kursus yang telah diluluskan pengecualian kredit tidak boleh didaftar semula oleh calon bagi maksud mempertingkatkan PNGK. Calon hanya dibenarkan mengaudit kursus tersebut sahaja.**

Permohonan Pemindahan Dan Pengecualian Kredit

19. (1) Permohonan untuk pemindahan atau pengecualian kredit hendaklah **dikemukakan kepada Dekan Fakulti program pengajian dari hari jumaat minggu kuliah kedua (2) semester biasa menggunakan kaedah yang ditetapkan oleh Universiti**

(2) Permohonan hendaklah dikemukakan bersama-sama :

(a) bayaran yuran proses atas suatu kadar yang ditetapkan. Yuran ini tidak akan dikembalikan;

(b) **dokumen sokongan wajib iaitu salinan transkrip, hasil pembelajaran kursus, silibus/kandungan kursus dan**

skim pengredan kursus yang dipohon untuk pemindahan atau pengecualian kredit.

(3) Jumlah maksimum kredit yang boleh dipindah dan dikecualikan tidak boleh melebihi satu pertiga ($1/3$) jumlah kredit daripada komponen kursus program pengajian Ijazah.

(4) Kursus yang diikuti semasa program pertukaran pelajar yang tidak tersenarai di dalam struktur program pengajiannya boleh dipertimbangkan pemindahan dan pengecualian kredit tertakluk kepada kursus berkenaan memenuhi syarat seperti yang dinyatakan pada perenggan 17 dan 18 dan mendapat perakuan Dekan Fakulti program pengajian calon sama ada :

(a) Menggantikan mana-mana kursus dalam struktur program pengajiannya. Bagi tujuan ini, gred dan mata gred kursus akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK ; atau

(b) Tidak menggantikan mana-mana kursus yang ditetapkan dalam struktur pengajiannya. Kursus berkenaan akan dicatatkan di dalam transkrip akademik pelajar. Bagi tujuan ini, gred serta mata gred kursus berkenaan akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

(5) Permohonan untuk pemindahan atau pengecualian kredit hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti program pengajian tidak lewat dari minggu kuliah kedua (2) Semester Biasa menggunakan kaedah yang ditetapkan oleh Universiti.

(6) Keputusan permohonan pengecualian dan/atau pemindahan kredit calon akan dimaklumkan oleh Dekan Fakulti program pengajian.

BAHAGIAN VI PENYELIAAN

Penyeliaan Dan Kemajuan Pencalonan

20. (1) Fakulti **digalakkan** melantik **sekurang-kurangnya dua (2) orang penyelia** bagi setiap calon yang mengikuti program pengajian Ijazah secara penyelidikan dan yang mengikuti komponen penyelidikan dalam program pengajian Ijazah secara kursus dan penyelidikan. **Kriteria pelantikan penyelia hendaklah merujuk kepada Polisi Penyeliaan Pelajar Ijazah Tinggi.**
- (2) Profesor Adjung Universiti, pensyarah pelawat, penyelidik pasca-doktoral atau felo penyelidik boleh dilantik oleh Fakulti sebagai penyelia calon dengan syarat seorang penyelia tambahan daripada kalangan kakitangan akademik Universiti dilantik bersama untuk sama-sama menyelia calon tersebut.
- (3) Fakulti boleh melantik seorang penyelia bersama bagi mana-mana calon.
- (4) Fakulti boleh melantik seorang perunding bagi mana-mana calon.
- (5) Penyelia, penyelia bersama (jika ada) dan perunding (jika ada) hendaklah dilantik sebelum pendaftaran permulaan calon atau pada masa lain mengikut keperluan. Fakulti berhak menambah, mengurang atau menukar mana-mana penyelia, penyelia bersama atau perunding dari semasa ke semasa sebagaimana dianggap wajar oleh Fakulti.
- (6) **Calon dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan penyelidikannya pada akhir setiap semester kepada penyeliannya mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Penyelia, penyelia bersama dan perunding hendaklah menilai laporan kemajuan penyelidikan calon mengikut prosedur yang ditetapkan.**
- (7) Calon yang kemajuannya memuaskan akan diperakukan untuk pencalonan diteruskan. Calon yang kemajuannya tidak memuaskan untuk tiga semester berturut-turut akan ditamatkan pencalonannya oleh Fakulti.

- (8) Calon yang gagal mengemukakan laporan kemajuannya dalam tempoh yang ditetapkan akan dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya.

BAHAGIAN VII LAPORAN PENYELIDIKAN ATAU DISERTASI

Ketetapan Bidang Penyelidikan dan Tajuk Laporan Penyelidikan atau Disertasi

21. (1) Bagi program ijazah Sarjana bukan secara klinikal:
- (a) Fakulti hendaklah meluluskan bidang penyelidikan untuk laporan penyelidikan atau disertasi atau sebelum calon memulakan penyelidikannya.
 - (b) Calon tidak dibenarkan menukar bidang penyelidikannya kecuali dalam keadaan tertentu tertakluk kepada kelulusan fakulti berkenaan .
 - (c) Tajuk laporan penyelidikan hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan tidak lewat dari sebulan sebelum calon menyerahkan laporan penyelidikannya untuk pemeriksaan.
 - (d) Tajuk disertasi hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan semasa calon memberi notis untuk penyerahan disertasinya di bawah peraturan 23 Peraturan-Peraturan ini.
- (2) Bagi program ijazah Sarjana secara klinikal, jabatan yang bertanggungjawab bagi program pengajian calon hendaklah menetapkan bidang penyelidikan calon dan mana-mana perkara yang berkaitan dengannya.

Bahasa

22. **Laporan Penyelidikan atau Disertasi** hendaklah ditulis dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Dalam keadaan tertentu, Senat boleh meluluskan suatu bahasa selain daripada bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris untuk **laporan penyelidikan atau disertasi** berkenaan.

Penyerahan

23. Calon hendaklah menyerahkan **laporan penyelidikan atau disertasi** untuk peperiksaan dalam tempoh pencalonannya. Tempoh yang diambil untuk pemeriksaan disertasi dan apa-apa tempoh pembedaan **selain daripada** kajian lanjut tidak dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonan calon.

(1) **Laporan Penyelidikan**

- (a) Calon hendaklah memberi notis untuk penyerahan laporan penyelidikan dalam tempoh sepertimana yang ditetapkan oleh Fakulti bagi program pengajian berkenaan.
- (b) Laporan penyelidikan hendaklah tidak melebihi tiga puluh ribu **(30,000)** patah perkataan.
- (c) Calon yang ingin melebihi had patah perkataan yang ditetapkan hendaklah membuat permohonan kepada Fakulti melalui penyelia sekurang-kurangnya tiga **(3)** bulan sebelum tarikh penyerahan laporan penyelidikan untuk pemeriksaan, dengan memberi **justifikasi** mengapa ia tidak dapat memenuhi had panjang yang telah ditetapkan.
- (d) Format dan bilangan salinan untuk dikemukakan bagi pemeriksaan sesuatu laporan penyelidikan adalah sepertimana yang ditentukan Fakulti bagi program pengajian berkenaan.

(e) Selepas laporan penyelidikan diperiksa dan keputusan muktamad telah dicapai mengenai laporan penyelidikan calon, calon hendaklah mengemukakan kepada Fakulti—

(i) sekurang-kurangnya dua (2) naskah laporan penyelidikan dalam bentuk percetakan yang hendaklah dijilid dalam kulit tebal berwarna biru laut dengan tajuk atau ringkasan tajuk serta nama pengarang dicetak dalam huruf besar di tulang belakang dan pada kulit hadapan; dan

(ii) satu (1) salinan elektronik mengikut format yang ditetapkan.

(2) Disertasi

(a) Calon hendaklah memberi sekurang-kurangnya tiga bulan (3) notis bertulis kepada Fakulti sebelum penyerahan disertasinya untuk pemeriksaan.

(b) Had patah perkataan bagi disertasi adalah seperti berikut:

(i) Disertasi bagi program secara kursus dan penyelidikan hendaklah tidak melebihi empat puluh ribu (40,000) patah perkataan; dan

(ii) Disertasi bagi program secara penyelidikan hendaklah tidak melebihi enam puluh (60,000) ribu patah perkataan.

(c) Calon yang ingin melebihi had patah perkataan yang ditetapkan hendaklah membuat permohonan kepada Senat melalui Fakulti sekurang-kurangnya tiga bulan (3) sebelum penyerahan disertasi untuk pemeriksaan, dengan memberi justifikasi mengapa ia tidak dapat mematuhi had panjang yang telah ditetapkan.

(d) Calon hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya lima (5) salinan disertasi atau mengikut

bilangan salinan yang ditetapkan oleh Fakulti dalam bentuk percetakan untuk pemeriksaan. Calon boleh diminta oleh Fakulti untuk mengemukakan disertasi dalam bentuk salinan elektronik sekiranya diperlukan.

(e) Disertasi tersebut hendaklah—

(i) didahulukan dengan—

(A) perakuan keaslian penulisan berdasarkan format yang ditetapkan oleh Universiti; dan

(B) ringkasan (abstrak) yang tidak melebihi lima ratus (500) patah perkataan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Dalam keadaan di mana bahasa disertasi adalah selain daripada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, abstrak dalam bahasa tersebut perlu juga disediakan;

(ii) ditaip dua (2) barisan langkau dan dicetak di atas kertas bersaiz A4, kecuali untuk lukisan atau peta yang tidak mempunyai had saiz kertas. Ruangan berukuran empat (4) sentimeter hendaklah disediakan di sebelah kiri; dan

(iii) dijilid dengan kertas nipis berwarna merah 'rexine' dengan tajuk atau ringkasan tajuk serta nama pengarang dicetak dalam huruf besar di tulang belakang dan pada kulit hadapan.

(f) Selepas disertasi diperiksa dan keputusan muktamad telah dicapai mengenai disertasi calon, calon hendaklah mengemukakan kepada Universiti—

(i) sekurang-kurangnya dua (2) naskah disertasi dalam bentuk percetakan yang hendaklah dijilid dalam kulit tebal berwarna merah "rexine" dengan tajuk atau ringkasan tajuk serta nama pengarang dicetak dalam huruf besar di tulang belakang dan pada kulit hadapan; dan

(ii) satu salinan elektronik mengikut format yang ditetapkan.

(3) Walau apapun peruntukan perenggan (1)(b) dan (2)(b), yang berikut tidak termasuk dalam had patah perkataan tersebut:

(a) Nota kaki atau nota hujung, rujukan, lampiran, jadual dan rajah; dan

(b) Pengeluaran semula ataupun terjemahan daripada sebarang teks. Walau bagaimanapun, ulasan atau kritik yang dibuat oleh calon mengenainya tertakluk kepada had patah perkataan tersebut.

(4) Calon tidak boleh menyerahkan sebagai laporan penyelidikan atau disertasinya, apa-apa hasil kerja termasuk idea, penulisan, data atau apa-apa ciptaan orang lain atau kerja yang telah diserahkan untuk ijazah di Universiti ini atau universiti atau institusi lain, tetapi ia tidak dilarang memasukkan mana-mana bahagian kerja tersebut ke dalam laporan penyelidikan atau disertasi sekiranya ia menunjukkan dengan terang dalam disertasi atau laporan penyelidikannya bahagian kerja yang telah dimasukkan ke dalam laporan penyelidikan dan disertasinya.

(5) Calon boleh memasukkan ke dalam laporan penyelidikan atau disertasi sebarang hasil penyelidikan yang telah dicetak dan diterbitkan secara perseorangan atau secara berkumpulan. Kerja yang dilakukan secara berkumpulan hendaklah disertakan dengan kenyataan yang menjelaskan dengan terang bahagian kerja yang dibuat oleh calon sendiri. Kenyataan ini hendaklah ditandatangani oleh rakan penulis yang lain.

(6) Larangan terhadap plagiarisme

(a) Calon tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.

(b) Bagi maksud subperaturan ini dan subperaturan (7) di bawah, plagiarisme adalah termasuk—

(i) perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau

(ii) suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.

(c) tanpa menjejaskan makna perenggan (b) di atas, calon dianggap memplagiat apabila—

(i) menerbitkan, dengan sendirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang adalah keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;

(ii) menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku;

(iii) memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidikan bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai penyelidikan bersama bagi penerbitan apabila dia tidak membuat apa-apa

sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;

(iv) memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, atau data yang diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akdemiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal;

(v) menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak orang lain tu anggota kakitangan atau pelajar Universiti sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidikan bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data;

(vi) menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa juga bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia adalah pencipta idea atau ciptaan itu;

(vii) menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisnya atau ciptaannya sendiri;

(viii) memetik idea dari penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat ubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusun idea itu semula dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia adalah pencipta idea-idea itu.

(7) Calon yang didapati memplagiat **laporan penyelidikan atau disertasinya** boleh diambil tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

(8) Mana-mana **laporan penyelidikan atau disertasi** yang diserahkan untuk peperiksaan hendaklah mengikut peraturan dan prosedur seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana pindaan kepada Peraturan-Peraturan ini dari semasa ke semasa. Dekan Fakulti boleh menolak mana-mana laporan penyelidikan atau disertasi yang diserahkan yang tidak mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

(9) **Laporan penyelidikan atau disertasi** atau sebahagian daripadanya yang telah diluluskan dan kemudiannya diterbitkan, hendaklah mengandungi kenyataan yang terang bahawa ianya telah dikemukakan **bagi tujuan** untuk ijazah Sarjana Universiti. Sepanjang pengajiannya, calon digalakkan, dengan persetujuan penyeliannya, menerbitkan hasil kerjanya, dengan syarat rujukan sewajarnya diberi kepada Universiti di dalam penerbitan itu.

(10) **Laporan penyelidikan atau disertasi** itu sama ada telah diluluskan atau tidak, untuk penganugerahan ijazah termasuk semua hak harta intelek di dalamnya hendaklah terletak hak pada dan tetap menjadi hak milik Universiti. Universiti mempunyai hak untuk menghadkan atau membataskan pencetakan, pemberitahuan dan penggunaan, atau mana-mana urusan dengan yang berikut bagi tempoh yang diperlukan untuk maksud melindungi atau memperoleh hak harta intelek—

(a) **laporan penyelidikan atau disertasi;**

(b) hasil penyelidikan yang membawa kepada **laporan penyelidikan atau disertasi** berkenaan; atau

(c) **kedua-dua** yang dinyatakan di atas.

BAHAGIAN VIII PEPERIKSAAN

Bilangan Dan Skop Peperiksaan

24. (1) Bilangan dan skop peperiksaan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah seperti mana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti.
- (2) Peperiksaan dalam mana-mana program pengajian boleh meliputi ujian bertulis, lisan, amali, **praktikum, tugasan kursus, penilaian iktisas**, klinikal dalam apa jua bentuknya, serta kaedah penilaian lain sepertimana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti.
- (3) Jawatankuasa Pemeriksa boleh atas budibicaranya menghendaki calon menduduki mana-mana peperiksaan tambahan yang dianggap perlu untuk penilaian program pengajian ijazahnya.

Jawatankuasa Pemeriksa

25. Maka hendaklah ada sekurang-kurangnya satu Jawatankuasa Pemeriksa bagi setiap peperiksaan atau sebahagian daripadanya untuk sesuatu program pengajian ijazah Sarjana.

Program Pengajian Secara Kursus/Kursus Klinikal

26. (1) **Jawatankuasa Pemeriksa bagi setiap program pengajian hendaklah ditubuhkan bagi setiap semester pada sesuatu sesi akademik.**
- (2) **Tertakluk kepada kuasa Senat, Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah mempertimbangkan keputusan peperiksaan dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan peraturan-peraturan yang berkenaan.**

(3) Keanggotaan Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah terdiri daripada berikut:

- (a) Dekan Fakulti sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi urusan program ijazah tinggi di Fakulti
- (c) Ketua jabatan yang berkenaan;
- (d) penyelaras bidang berkenaan yang bertanggungjawab untuk mana-mana kursus atau program pengajian yang bukan dalam Jabatan/Fakulti;
- (e) pemeriksa luar berkenaan; dan
- (f) mana-mana Pemeriksa Dalam atau orang lain yang dilantik oleh Fakulti.

Sekiranya Dekan tidak dapat menjalankan kewajibannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa, Timbalan Dekan yang bertanggungjawab untuk urusan ijazah tinggi boleh menjalankan kewajipan Dekan Fakulti sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa.

(4) Korum untuk mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah terdiri daripada pengerusi dan satu pertiga (1/3) daripada keahlian Jawatankuasa Pemeriksa. Walau bagaimanapun bagi program secara kursus klinikal, korum hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli termasuk Pengerusi.

(5) Ahli Jawatankuasa Pemeriksa tidak boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana orang lain untuk mewakili beliau dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa kecuali dengan persetujuan bertulis daripada Naib Canselor.

(6) Sekiranya berlaku kecemasan, Naib Canselor boleh melantik mana-mana guru sepenuh masa Universiti sebagai ahli sesuatu Jawatankuasa Pemeriksa dan pelantikan sedemikian hendaklah dimaklumkan kepada Senat secepat mungkin.

(7) Pendaftar atau wakilnya hendaklah menjadi setiausaha kepada tiap-tiap Jawatankuasa Pemeriksa.

(8) Jawatankuasa Pemeriksa boleh memperakukan kepada Fakulti perkara-perkara berikut:

- (a) Status prestasi pelajar samada;
 - (i) Lulus dan dibenarkan meneruskan pengajian;
 - (ii) Lulus dan layak dianugerahkan ijazah;
 - (iii) Gagal dan ditamatkan pengajian;
 - (iv) Berada dalam tempoh pemerhatian dan dibenarkan meneruskan pengajian; atau
 - (v) Mendapat gred I dan dibenarkan mengambil peperiksaan khas.
- (b) Markah dan gred baharu bagi menggantikan gred I;
- (c) Penambahan markah;
- (d) Penangguhan keputusan peperiksaan; atau
- (e) Pertimbangan perakuan jawatankuasa rayuan fakulti mengenai pindaan markah dan/atau gred.

(9) Walau apapun yang diperuntukan di subperenggan (ii) di atas, Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memperakukan kepada Senat melalui Fakulti mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan pengijazahan

(10) Jawatankuasa Pemeriksa boleh melaporkan kepada Senat melalui Fakulti mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan suatu peperiksaan.

- (11) Senat boleh meminda dari semasa ke semasa, peraturan mengenai keanggotaan dan fungsi Jawatankuasa Pemeriksa.

Program Pengajian Secara Penyelidikan

27. (1) Keanggotaan Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah terdiri daripada—

- (a) Dekan Fakulti sebagai pengerusi;
- (b) Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi urusan program ijazah tinggi di Fakulti
- (c) Seorang Profesor yang dilantik oleh Fakulti;
- (d) Ketua Jabatan/penyelaras program Fakulti; dan
- (e) Dua orang pemeriksa yang pakar dalam bidang berkenaan yang dilantik oleh Fakulti. Pemeriksa berkenaan hendaklah terdiri daripada seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar.

(2) Sekiranya Dekan tidak dapat menjalankan kewajibannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa, Timbalan Dekan yang bertanggungjawab untuk urusan ijazah tinggi boleh menjalankan kewajipan Dekan Fakulti sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa.

(3) Sekiranya Dekan Fakulti atau Timbalan Dekan Ijazah Tinggi atau Profesor yang dilantik atau Ketua Jabatan atau Penyelaras program adalah penyelia untuk calon berkenaan, beliau akan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa atas jemputan dan bukan sebagai ahli Jawatankuasa Pemeriksa.

(4) Ahli Jawatankuasa Pemeriksa tidak boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana orang lain yang bukan ahli Jawatankuasa Pemeriksa untuk mewakili beliau dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa kecuali dengan persetujuan bertulis daripada Naib Canselor.

- (5) Pendaftar atau wakilnya akan menjadi setiausaha dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa.
- (6) Korum untuk mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk seorang pemeriksa.
- (7) Penyelia hendaklah dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa untuk memberi pandangan perkara yang dibincangkan tetapi tidak berhak mengambil bahagian dalam pertimbangan dan apa-apa keputusan pemeriksaan disertasi calon.
- (8) Fungsi Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:
- (a) Berkaitan dengan peperiksaan disertasi, menimbang laporan pemeriksa di atas disertasi seorang calon, dan mengambil sesuatu keputusan termasuk mengenai tahap pencapaian disertasi itu.
 - (b) Dalam keadaan tertentu Jawatankuasa Pemeriksa boleh menjalankan peperiksaan viva dan/atau ujian lain yang difikirkan sesuai; dan
 - (c) **Jawatankuasa Pemeriksa boleh** melaporkan kepada Senat mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan mutu dan/atau perjalanan sesuatu peperiksaan.
- (9) Senat boleh meminda dari semasa ke semasa keanggotaan dan fungsi Jawatankuasa Pemeriksa.
- (10) Sekiranya berlaku kecemasan, **Dekan** boleh melantik mana-mana guru sepenuh masa Universiti sebagai ahli sesuatu Jawatankuasa Pemeriksa dengan syarat pelantikan sedemikian hendaklah dilaporkan kepada **Fakulti** dengan secepat mungkin.

Program Pengajian Secara Kursus Dan Penyelidikan

28. (1) Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan adalah diperlukan bagi komponen kursus dan komponen penyelidikan.

(2) Peruntukan peraturan 26 dan peraturan 27 adalah terpakai *mutatis mutandis* kepada Jawatankuasa Pemeriksa bagi program pengajian secara Kursus dan Penyelidikan. Walau bagaimanapun bagi program ini salah seorang daripada pemeriksa berkenaan boleh terdiri daripada seorang Pemeriksa Luar.

Penilai Luar Program dan Pemeriksa Luar

29. Pelantikan Penilai Luar/Pemeriksa Luar bagi program pengajian:

- (1) Ijazah Sarjana secara Kursus , pelantikan penilai luar hendaklah sepertimana yang diperuntukkan di dalam Garis Panduan pelantikan Penilai Luar Program
- (2) Ijazah Sarjana secara Kursus Klinikal pelantikan penilai luar/pemeriksa luar hendaklah seperti mana yang diperuntukkan di dalam Garis Panduan Pelantikan Penilai Luar Program dan Garis Panduan Pelantikan Pemeriksa Luar Universiti Malaya bagi peperiksaan Profesional Program Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Pembedahan (MBBS), Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (BDS) dan Sarjana Klinikal.
- (3) Ijazah Sarjana secara Penyelidikan. Pelantikan Pemeriksa Luar bagi program Sarjana secara Penyelidikan hendaklah dibuat oleh Fakulti tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) Seorang pemeriksa luar hendaklah dilantik untuk memeriksa disertasi calon.
 - (b) Pemeriksa luar adalah dilantik daripada kalangan ahli akademik luar Universiti yang berkelayakan, berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan disertasi calon. Dalam keadaan tertentu pakar dalam bidang berkenaan dari luar Universiti yang tidak terdiri dari kalangan ahli akademik boleh dilantik sebagai pemeriksa luar.
 - (c) Pemeriksa luar yang dilantik hendaklah tidak mempunyai tali kekeluargaan yang rapat dengan calon dan penyalia.

- (d) Pemeriksa luar yang dilantik hendaklah tidak menjalankan kolaborasi penyelidikan dan penerbitan dengan penyelia dan calon.
- (e) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung Universiti tidak boleh dilantik sebagai pemeriksa luar.
- (f) Tertakluk kepada perenggan (3)(b), bekas guru sepenuh masa Universiti boleh dilantik sebagai pemeriksa luar dengan syarat beliau telah meninggalkan perkhidmatan Universiti untuk tempoh tidak kurang dua tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai pemeriksa luar.
- (g) Siswazah Universiti boleh dilantik sebagai pemeriksa luar dengan syarat beliau telah menamatkan pengajian di Universiti dalam tempoh tidak kurang dua tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai pemeriksa luar.
- (h) Sekiranya berlaku kecemasan, Dekan boleh melantik pemeriksa luar untuk memeriksa disertasi calon dengan syarat pelantikan tersebut itu hendaklah dilaporkan dalam mesyuarat Fakulti dengan secepat mungkin.
- (i) Pemeriksa luar yang dilantik untuk memeriksa disertasi calon hendaklah menyerahkan laporannya dalam format yang ditetapkan tidak melebihi dua bulan dari tarikh disertasi dihantar kepada beliau. Dekan boleh memperakukan kepada Fakulti bagi menggantikan pemeriksa luar yang tidak menjalankan kewajipan beliau dengan memuaskan dengan pemeriksa luar yang lain.

(4) Ijazah Sarjana Secara Kursus dan Penyelidikan (Mod Campuran)

Pelantikan penilai luar bagi komponen kursus, hendaklah sepertimana yang diperuntukkan dalam subperaturan (1) dan pelantikan pemeriksa luar (sekiranya berkaitan) bagi komponen penyelidikan, hendaklah sepertimana yang diperuntukkan dalam subperaturan (3). Walau bagaimanapun pelantikan pemeriksa luar bagi komponen penyelidikan adalah digalakkan sahaja.

30. **Pemeriksa Dalam**

Pelantikan Pemeriksa Dalam hendaklah dibuat oleh Fakulti tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) Ijazah Sarjana Secara Kursus/Kursus Klinikal
 - (a) Guru sepenuh masa atau separuh masa Universiti sebagai Pemeriksa Dalam untuk komponen kursus/kursus klinikal.
 - (b) Tutor tidak boleh dilantik sebagai pemeriksa untuk memeriksa mana-mana kursus. Walau bagaimanapun, beliau boleh dengan persetujuan dan seliaan pemeriksa kursus, membantu dalam pemarkahan skrip jawapan bagi sesuatu kursus. Bagi maksud ini “skrip jawapan” merujuk kepada apa jua hasil bertulis atau bercetak selain daripada sebuah disertasi yang diserahkan oleh seorang calon untuk memenuhi keperluan kursus dalam program ijazah Sarjananya.
 - (c) Sekiranya berlaku kecemasan, Dekan Fakulti boleh melantik Pemeriksa Dalam untuk memeriksa mana-mana kursus dengan syarat pelantikan demikian hendaklah dimaklumkan kepada Fakulti dengan secepat mungkin.
- (2) Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan
 - (a) Guru sepenuh masa Universiti hendaklah dilantik sebagai Pemeriksa Dalam untuk memeriksa disertasi seseorang calon.
 - (b) Pemeriksa Dalam yang dilantik hendaklah mempunyai kelayakan, pengalaman dan kepakaran yang berkaitan dengan bidang penyelidikan calon.
 - (c) Pemeriksa Dalam yang dilantik hendaklah tidak mempunyai tali kekeluargaan rapat dengan calon dan penyelia.
 - (d) Pemeriksa Dalam yang dilantik hendaklah menyediakan dan menyerahkan laporannya dalam format yang ditetapkan dalam tempoh tidak melebihi dua bulan dari tarikh disertasi dihantar kepada beliau. Dekan Fakulti

boleh memperakukan kepada Fakulti bagi menggantikan Pemeriksa Dalam yang tidak menjalankan kewajipan beliau dengan memuaskan dengan Pemeriksa Dalam yang lain.

Perunding

31. Jika seorang perunding telah dilantik untuk membantu dalam penyeliaan calon, Fakulti boleh menghendaki perunding tersebut menyedia dan mengemukakan laporan mengenai disertasi. Laporan perunding hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa untuk peperiksaan disertasi calon.

Penilaian Peperiksaan Program Pengajian Secara Kursus

32. (1) Kaedah penilaian kursus hendaklah seperti berikut:

(a) Kaedah penilaian kursus bergantung kepada hasil pembelajaran dan kandungan kursus. Nisbah sumbangan atau pemberatan kaedah penilaian dalam jumlah markah akhir kursus akan ditentukan oleh Fakulti dan hendaklah diluluskan oleh Senat.

(b) **Skim penggredan**

(i) Penilaian peperiksaan untuk komponen kursus hendaklah berdasarkan skim pemarkahan seperti berikut:

Markah	Gred	Mata Gred	Maksud
80-100 75-79	A A-	4.0 3.7	Cemerlang

70-74 65-69	B+ B	3.3 3.0	Lulus
60-64 55-59 50-54	B- C+ C	2.7 2.3 2.0	Lulus Bersyarat
45-49 40-44 35-39 00-34	C- D+ D F	1.7 1.5 1.0 0	Gagal

(ii) Gred lulus bagi semua kursus adalah gred B.

(iii) Selain daripada gred-gred seperti yang ditunjukkan di perenggan (a) di atas, gred-gred berikut juga boleh diberikan kepada seseorang pelajar untuk sesuatu kursus yang diikutinya:

(A) Gred I, boleh diberi apabila -

- (aa) pelajar tidak mengambil peperiksaan akhir atas sebab perubatan/perikemanusiaan; dan/atau
- (bb) pelajar belum menyempurnakan sebahagian daripada keperluan kursus dalam sesuatu semester atas sebab perubatan/perikemanusiaan atau alasan di luar kawalan pelajar yang diterima oleh Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan

- (B) Gred I yang diberi hendaklah diselenggara mengikut perenggan (3) di bawah.
- (C) Gred K, diberi bagi kursus yang diluluskan pengecualian kredit.
- (D) Gred P, diberi bagi kursus yang dijalankan lebih daripada satu semester.
- (E) Gred S, diberi bagi kursus yang prestasi calon dinilai hanya dari segi memuaskan.
- (F) Gred U, diberi bagi kursus yang prestasi calon dinilai hanya dari segi tidak memuaskan.
- (G) Gred R, diberi bagi kursus yang diaudit yang memenuhi syarat minimum 80% keperluan kehadiran. Kredit tidak diberi untuk gred ini.
- (H) Gred UR, diberi bagi kursus yang diaudit yang tidak memenuhi syarat minimum 80% keperluan kehadiran. Kredit tidak diberi untuk gred ini.
- (I) Gred W, diberi bagi kursus di mana calon telah menarik diri secara rasmi dalam sesuatu semester.
- (J) Gred W1, diberi apabila calon telah menarik diri secara rasmi daripada sesuatu semester.
- (K) Gred W2, diberi apabila calon telah menarik diri secara rasmi dari Universiti.

(2) Tidak Hadir peperiksaan

Tertakluk kepada peruntukan yang ditetapkan di dalam peraturan-peraturan ini, seseorang calon yang tidak hadir peperiksaan akhir bagi mana-mana kursus hendaklah diberi markah sifar bagi komponen peperiksaan akhir kursus berkenaan.

(3) Pengurusan Gred I

(a) Tidak hadir Peperiksaan Akhir

(i) Di mana pelajar tidak menghadiri sebahagian atau keseluruhan peperiksaan atas sebab perubatan atau atas sebab perikemanusiaan iaitu ditimpa musibah atau kematian ibubapa serta waris terdekat seperti penjaga, anak, suami/isteri, adik beradik, datuk atau nenek hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada Dekan Fakulti untuk kesnya dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemeriksa yang berkaitan. Dalam keadaan ini, kesnya hendaklah diselenggarakan mengikut perenggan (ii) di bawah. Sekiranya tidak ada permohonan bertulis diterima, kes hendaklah diselenggarakan mengikut subperaturan (2) di atas.

(ii) Satu permohonan bertulis seperti yang tersebut dalam perenggan (i) di atas mestilah dikemukakan kepada Dekan Fakulti tidak lewat daripada empat puluh lapan jam (48) setelah tamatnya kertas terakhir

peperiksaan calon itu.
Permohonan bertulis itu
mestilah disertakan dengan:

(A) Sijil cuti sakit dan laporan doktor yang dikeluarkan oleh Doktor Perkhidmatan Klinik Kesihatan Calon Universiti/ hospital kerajaan/Pusat Perubatan Universiti Malaya/Pusat Perubatan Swasta sekiranya atas sebab perubatan. Sijil cuti sakit tanpa laporan doktor tentang jenis penyakit dan keadaan kesihatan calon tidak akan diberi pertimbangan; atau

(B) Satu laporan daripada pegawai daerah/ pegawai polis yang menjadi ketua daerahnya jika tidak menghadiri sebahagian atau keseluruhan peperiksaannya disebabkan oleh sebab perikemanusiaan seperti yang tersebut di atas.

(iii) Setelah menerima satu permohonan bertulis seperti yang tersebut dalam perenggan (i) dan (ii) di atas, Dekan Fakulti calon hendaklah melaporkan perkara itu kepada

Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan. Jawatankuasa Pemeriksa boleh, setelah menimbangkan kes itu, memperakukan kepada Senat:

(A) bahawa calon diberi markah sifar untuk komponen peperiksaan akhir bagi kursus yang tidak dihidirinya; atau

(B) bahawa calon itu dibenarkan menduduki peperiksaan akhir bagi kursus yang tidak dihidirinya dalam tempoh peperiksaan khas yang ditetapkan.

(iv) Dalam keadaan di mana calon diberi gred I seperti yang dinyatakan di dalam subperaturan (32)(1)(b)(iii)(A)(aa), calon dibenarkan menduduki peperiksaan khas selewat-lewatnya satu minggu selepas Jawatankuasa Pemeriksa yang berkenaan membuat keputusannya.

(v) Walau apapun yang diperuntukkan di dalam perenggan (iv) di atas, dalam keadaan tertentu Dekan Fakulti boleh membenarkan penangguhan tarikh peperiksaan khas tersebut sehingga selewat-lewatnya dua minggu selepas semester

berikutnya bermula. Atas sebab psikologi/perubatan psikiatri/penyakit kronik yang berpanjangan, penangguhan tarikh peperiksaan khas tersebut boleh diberikan sehingga tidak melebihi empat Semester Biasa dan dua Semester Khas berturut-turut.

(b) Tidak Menyempurnakan Sebahagian Keperluan Kursus

- (i) Di mana calon belum menyempurnakan sebahagian daripada keperluan mana-mana kursus dalam sesuatu semester seperti dinyatakan dalam subperaturan (32)(1)(b)(iii)(A)(bb), satu permohonan bertulis mestilah dikemukakan kepada Dekan Fakulti program pengajiannya selewat-lewatnya pada minggu akhir peperiksaan Universiti dan disertakan dengan dokumen seperti di subperaturan (32)(3)(a)(ii)(A) dan (32)(3)(a)(ii)(B) bagi alasan perubatan/perikemanusiaan atau mengemukakan surat pengesahan/sokongan yang berkenaan bagi alasan di luar kawalan calon.
- (ii) Bagi maksud di subperaturan (32)(1)(b)(iii)(A)(bb), calon dikehendaki menyempurnakan sebahagian keperluan kursus berkenaan selewat-lewatnya dalam tempoh satu minggu selepas Jawatankuasa

Pemeriksa yang berkenaan membuat keputusannya. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu Dekan Fakulti program pengajian calon boleh membenarkan penangguhan penyempurnaan keperluan kursus berkenaan selewat-lewatnya sehingga sebelum minggu peperiksaan semester berikutnya bermula.

- (c) Dalam keadaan di mana calon diberi gred I seperti yang dinyatakan di dalam di subperaturan (32)(1)(b)(iii)(A)(bb) di atas:
- (i) calon tidak dikenakan sebarang yuran.
 - (ii) calon yang tidak mengambil peperiksaan khas kursus berkenaan apabila diadakan dan/atau menyempurnakan sebahagian keperluan kursus berkenaan pada tempoh yang ditetapkan, gred I untuk kursus tersebut akan dipinda ke gred sebenar berdasarkan pencapaian calon bagi komponen lain kursus berkenaan atau gred F atau gred U bagi kursus yang tiada pecahan pemberatan markah.
 - (iii) calon tidak dibenarkan mengulang kursus berkenaan dalam apa-apa keadaan sekalipun sehingga gred I tersebut digugurkan.

(iv) apabila calon lulus peperiksaan khas dan/atau telah menyempurnakan sebahagian keperluan kursus berkenaan, gred yang diperolehi akan diberi bagi menggantikan gred I pada semester di mana calon mendapat gred I tersebut.

(d) Jawatankuasa Pemeriksa tidak boleh sekali-kali mengambil kira sebarang rayuan atau permohonan bertulis yang dikemukakan oleh calon yang tidak menghadiri peperiksaan akhir atas sebab perubatan/perikemanusiaan dan/atau belum menyempurnakan sebahagian daripada keperluan kursus atas sebab perubatan/perikemanusiaan atau alasan di luar kawalan calon yang diterima oleh Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan seperti yang tersebut dalam subperaturan (32)(1)(b)(iii)(A) di atas sesudah Jawatankuasa Pemeriksa mengadakan mesyuarat untuk menimbang dan menetapkan keputusan peperiksaan calon. Sebarang rayuan atau permohonan bertulis seperti itu hanya boleh diambil kira untuk tujuan mengkaji semula ketetapan Jawatankuasa Pemeriksa menamatkan kursus calon atau menamatkan program pengajiannya dan menolak kemasukannya semula.

(e) Penentuan prestasi akademik

(i) Prestasi akademik calon dalam sesuatu semester ditunjukkan oleh PNG dan PNGK. PNG ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu semester.

Berikut adalah contoh bagaimana PNG ditentukan:

Kursus	Gred	Mata Gred	Kredit	Kredit x Mata Gred
K1	A	4.0	4	4x4.0=16.0
K2	C+	2.3	3	3x2.3= 6.9
K3	F	0.0	3	3x0.0= 0.0
K4	C	2.0	3	3x2.0= 6.0
Jumlah			13	28.9
				PNG =
				<u>28.9</u>
				13
				= 2.22

GK ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang telah diambil mulai semester pertama (1) sehingga semester terkini.

(ii) Mata gred dan kredit yang diperolehi bagi kursus-kursus yang didaftar dalam sesuatu semester hendaklah dimasukkan ke dalam pengiraan PNG dan PNGK untuk **semester berkenaan**.

(iii) Kredit bagi sesuatu kursus dengan Gred C-, D+, D atau F akan dimasukkan dalam pengiraan PNG dan PNGK semester berkenaan. Kursus dengan gred ini tidak akan diberikan sebarang nilai kredit.

(iv) Gred I atau P bagi sesuatu kursus akan diambil kira dalam penentuan PNG dan PNGK apabila gred akhir bagi kursus itu diperolehi pada semester **berkenaan**.

(v) Gred K, R, S, U, W, W1 dan W2 tidak akan diambil kira dalam penentuan PNG dan PNGK.

(vi) Nilai kredit akan diberi untuk kursus dengan Gred A, A-, B+, B, B-, C+, C, K dan S. Tiada nilai kredit akan diberi untuk kursus dengan Gred C-, D+, D, F, R, U, W, W1 dan W2. Bagi kursus yang disyaratkan lulus dengan sekurang-kurangnya Gred B, nilai kredit akan diberi apabila calon telah mencapai sekurang-kurangnya Gred B bagi kursus berkenaan.

Kursus-kursus dengan Gred I dan P akan diberi nilai kredit apabila gred akhir melainkan Gred C-, D+, D, F atau U bagi kursus itu diperolehi pada semester yang berikut.

(vii) Di mana calon telah mengulang sesuatu kursus, markah dan gred yang diambil kira dalam penentuan PNGK hendaklah markah dan gred terbaik yang dicapainya.

(viii) Mana-mana calon yang telah didapati bersalah di bawah Kaedah 6 atau Kaedah 8 dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah tersebut akan diberikan markah sifar bagi skrip jawapan berkenaan melainkan Senat memutuskan sebaliknya.

(e) Keperluan minimum pengajian

(i) Untuk memenuhi keperluan minimum pengajian di Universiti, calon hendaklah memperolehi PNG dan PNGK tidak kurang daripada 3.0 pada setiap semester sehingga tamat pengajiannya.

(ii) Fakulti hendaklah menentukan sebelum semester pertama (1) pada setiap sesi

akademik dan memberitahu awal kepada calon, kursus-kursus yang ia diwajibkan untuk lulus pada gred-gred minimum yang tertentu.

(iii) Bagi kursus yang diwajibkan untuk lulus pada gred-gred minimum yang tertentu, calon hendaklah mengulang mana-mana kursus dengan gred yang kurang daripada gred minimum supaya calon dapat mencapai gred minimum yang ditetapkan dalam tempoh maksimum pencalonannya. Calon yang mencapai gred kurang daripada gred lulus minimum yang diperlukan selepas tiga (3) kali percubaan bagi sesuatu kursus yang diwajibkan, akan ditamatkan daripada program pengajiannya.

(iv) Tertakluk kepada peruntukan subperenggan (ii) dan (iii) dan had tempoh maksimum pencalonannya, calon yang memperoleh PNGK 3.0 dan ke atas dalam sesuatu semester—

(A) boleh mengekalkan Gred B-, C+ atau C yang telah dicapai olehnya untuk mana-mana kursus dan dianggap lulus bagi kursus tersebut; atau

(B) mengulang untuk mempertingkatkan Gred yang telah dicapai dalam mana-mana kursus.

(v) Calon yang memperoleh PNGK kurang daripada 3.0 dalam sesuatu semester—

(A) tidak boleh mengekalkan Gred B-, C+ atau C yang telah dicapai bagi mana-mana kursus sehingga calon telah mencapai PNGK 3.0 dan ke atas pada mana-mana semester berikutnya; dan

(B) boleh mengulangi mana-mana kursus pada mana-mana semester berikutnya bagi mempertingkatkan PNGKnya kepada 3.0 dan ke atas tertakluk kepada struktur program pengajian yang diikuti dan had tempoh maksimum pencalonannya.

(f) Tempoh pemerhatian akademik

(i) Mana-mana calon yang memperolehi PNG di bawah 3.0 dalam sesuatu semester akan diberi keputusan Pemerhatian bagi semester berkenaan dan diletakkan di dalam Tempoh Pemerhatian Akademik dalam semester biasa berikutnya. Tempoh ini akan terus kekal sehingga calon mencapai PNG 3.0.

(ii) Apabila calon diletakkan dalam Tempoh Pemerhatian Akademik dalam sesuatu semester, Dekan Fakulti hendaklah memberikan amaran kepada calon dan memaklumpkannya mengenai status kemajuannya. Amaran itu hendaklah mengandungi pernyataan yang jelas tentang apa yang dianggap sebagai "kemajuan yang memuaskan" dan apa yang calon perlu lakukan untuk mencapainya.

(2) Gagal Keluar

(a) Seseorang calon adalah diputuskan sebagai gagal keluar daripada program pengajiannya sekiranya-

(i) tidak mencapai sekurang-kurangnya gred lulus minimum bagi kursus yang diwajibkan oleh Fakulti selepas tiga kali percubaan;

(ii) memperolehi PNG kurang daripada 3.0 tetapi lebih daripada PNG 2.0 bagi tiga (3) Semester Biasa berturut-turut.

(iii) memperoleh PNG kurang daripada 2.0 dalam dua (2) Semester Biasa berturut-turut

(b) Mana-mana calon yang diterima masuk semula selepas gagal keluar dan memperolehi PNG kurang daripada 3.0 untuk peperiksaan semester yang mana beliau telah mendaftar sebaik sahaja diterima masuk semula akan terus ditamatkan pengajiannya.

(c) Apabila seseorang calon ditamatkan daripada program pengajiannya, notis penamatan hendaklah dihantar kepada calon oleh Institut Pengajian Siswazah di mana calon mendaftar untuk program pengajian ijazahnya.

(3) Peperiksaan khas

(a) Selain daripada peperiksaan khas bagi tujuan menggantikan gred I yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa, atau apa-apa keadaan yang dibenarkan oleh Peraturan-Peraturan ini, peperiksaan khas bagi tujuan lain atau bagi keadaan luar biasa hanya akan diberi kepada calon tertakluk kepada kelulusan Senat.

(b) Bagi maksud perenggan (a) di atas, mana-mana peperiksaan akhir yang diadakan di luar minggu peperiksaan seperti yang ditetapkan dalam Kalendar Pengajian adalah juga dianggap Peperiksaan Khas

(c) Calon yang cacat fizikal yang tidak berupaya mengambil peperiksaan yang ditetapkan, Senat boleh, atas perakuan Fakulti berkenaan, memberi kebenaran menggantikannya dengan satu penilaian dalam apa-apa bentuk lain yang bersesuaian.

(d) Sekiranya berlaku kecemasan, selain bagi maksud di perenggan (a) di atas, Naib Canselor setelah menimbangkan perakuan Dekan Fakulti

berkenaan, boleh memberi kebenaran bahawa satu penilaian dalam apa-apa bentuk lain yang bersesuaian diadakan sebagai ganti dengan syarat bahawa penggantian demikian hendaklah dilaporkan kepada Senat secepat mungkin.

(4) Pengurusan markah dan gred

(a) Markah dan gred kursus hendaklah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemeriksa dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak Universiti. Markah dan gred muktamad sesuatu kursus bagi setiap pelajar adalah seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa.

(b) Institut Pengajian Siswazah atau mana-mana pusat lain seperti mana yang ditetapkan oleh Universiti adalah bertanggungjawab untuk menyimpan rekod rasmi calon dan mengeluarkan kepada setiap calon—

- (i) keputusan peperiksaan untuk program pengajiannya; dan
- (ii) rekod akademiknya selepas penamatan program pengajiannya.

Penilaian Peperiksaan Program Pengajian Secara Kursus Klinikal

33. (1) Skim Pemarkahan

(a) Penilaian peperiksaan untuk sesuatu program ijazah Sarjana secara Kursus Klinikal di Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian hendaklah berdasarkan Skim Pemarkahan seperti berikut:

Markah	Persamaan Gred	Makna
75 dan ke atas	A+	Lulus Cemerlang
70-74	A	Lulus Sangat Baik
60-69	B	Lulus Baik

50-59	C	Lulus
49 dan ke bawah	F	Gagal
0	X	Tidak hadir peperiksaan

(b) Apa-apa baki pecahan dalam pengiraan markah bagi setiap komponen dalam peperiksaan berkenaan hendaklah dikenakan kepada angka penuh yang terhampir.

(2) Selain daripada peruntukan peraturan 33(1) peraturan-peraturan lain mengenai penilaian bagi program pengajian secara kursus klinikal hendaklah seperti mana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti berkenaan.

Penilaian Peperiksaan Program Pengajian Secara Penyelidikan

34. (1) Kaedah penilaian hendaklah seperti berikut:

(a) Kaedah penilaian bagi program pengajian secara Penyelidikan hendaklah melalui pemeriksaan sebuah disertasi dan peperiksaan viva (jika perlu) mengenai disertasi tersebut.

(b) Disertasi hendaklah diperiksa, dinilai dan diperakukan oleh setiap pemeriksa sama ada—

(i) dianugerahkan Lulus dengan Cemerlang, Lulus atau Gagal;

(ii) dirujuk untuk pembetulan tanpa peperiksaan semula; atau

(iii) dirujuk untuk kajian lanjut dan diserahkan untuk peperiksaan semula.

(c) Markah dan gred tidak akan diberi dalam pemeriksaan disertasi.

(d) Seorang calon boleh diperlukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa menghadiri satu peperiksaan viva mengenai disertasinya.

(e) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah menentukan kaedah mengendalikan peperiksaan viva untuk disertasi seorang calon.

(f) Jawatankuasa Pemeriksa boleh, jika perlu, menjemput seorang guru Universiti yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran yang berkaitan dengan bidang penyelidikan calon untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan peperiksaan viva calon berkenaan.

(g) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah setelah menimbang laporan pemeriksa, disertasi calon dan peperiksaan viva (jika ada), memutuskan dan memperakukan bahawa calon—

(i) dianugerahkan ijazah Sarjana dengan Cemerlang tertakluk kepada syarat yang ditetapkan seperti mana yang diperuntukkan dalam peraturan 50 (2); atau

(ii) telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan Ijazah tanpa perlu membuat pembetulan; atau

(iii) telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan ijazah tertakluk kepada calon membuat pembetulan minor sepertimana yang disarankan oleh pemeriksa dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan dan disahkan oleh penyelia; atau

(iv) telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan ijazah tertakluk kepada calon membuat pembetulan major sepertimana yang disarankan oleh pemeriksa dalam tidak melebihi enam (6) bulan dan disahkan oleh Pemeriksa Dalam;

(v) dikehendaki untuk membuat kajian lanjut dan mengemukakan disertasinya untuk pemeriksaan semula dalam tempoh antara enam (6) hingga dua belas (12) bulan dari tarikh keputusan Senat; atau

(vi) tidak mencapai merit akademik dan diperakukan kepada Senat bahawa calon telah gagal dalam peperiksaan disertasi dan tidak dibenar menyerahkan disertasi untuk peperiksaan semula.

(h) Walau apapun yang dinyatakan dalam subperenggan (v) di atas dalam keadaan tertentu kajian lanjut untuk tempoh yang melebihi dua belas (12) bulan hanya boleh diluluskan oleh Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemeriksa dan berdasarkan laporan pemeriksa.

(i) Bagi maksud peraturan ini “kajian lanjut” ertinya semakan dan penulisan semula disertasi termasuk penyelidikan lanjut dalam bidang disertasi tersebut. Manakala “peperiksaan semula” ertinya penilaian semula disertasi calon oleh Jawatankuasa Pemeriksa selepas menjalani kajian lanjut.

(ii) Calon yang dirujukkan untuk kajian lanjut boleh diperlukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa untuk menghadiri peperiksaan viva (jika perlu) mengenai disertasinya untuk kali kedua.

(j) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah berdasarkan laporan pemeriksa dan prestasi calon semasa viva voce (jika ada) dan seboleh-bolehnya dicapai melalui sebulat suara. Sekiranya keputusan tidak dapat dicapai, seorang pemeriksa tambahan boleh dilantik bagi membantu Jawatankuasa Pemeriksa membuat keputusan.

(2) Pembedulan dan peperiksaan semula disertasi hendaklah seperti berikut:

(a) Calon yang dikehendaki membuat pembedulan minor atau major menurut peruntukan subperenggan (1)(g)(iii) dan peruntukan subperenggan (1)(g)(iv) di atas hendaklah menyerahkan disertasinya sebelum tamat tempoh yang ditetapkan untuk membuat pembedulan tersebut. Sekiranya calon gagal berbuat demikian, beliau akan dianggap telah gagal dalam peperiksaan disertasinya melainkan dalam keadaan yang tertentu suatu tempoh lanjutan yang tidak melebihi sembilan puluh hari (90) kepada tempoh yang ditetapkan itu telah diluluskan oleh Dekan Fakulti.

(b) Calon yang dikehendaki menjalani kajian lanjut menurut peruntukan subperenggan (1)(g)(v) di atas hendaklah menyerahkan disertasinya sebelum tamat tempoh yang ditetapkan untuk menjalani kajian lanjut tersebut. Sekiranya calon gagal berbuat demikian, beliau akan dianggap telah gagal dalam peperiksaan disertasinya melainkan suatu tempoh lanjutan kepada tempoh yang ditetapkan itu telah diluluskan oleh Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemeriksa. Bagi maksud perenggan ini, tempoh yang ditentukan akan bermula sehari selepas tamat tempoh kajian lanjut yang ditetapkan.

(c) Disertasi yang telah diserahkan untuk peperiksaan semula hendaklah dihantar kepada semua pemeriksa yang berkenaan untuk diperiksa semula dan suatu laporan baru hendaklah disediakan oleh setiap pemeriksa dan diserahkan kepada Jawatankuasa Pemeriksa untuk dipertimbangkan.

(d) Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan hendaklah selepas menimbang laporan pemeriksa, disertasi calon dan peperiksaan viva (jika ada), memutuskan dan memperakukan sama ada disertasi calon dianugerahkan Lulus atau Gagal.

(e) Tertakluk kepada peruntukan subperenggan (1)(g)(v) di atas tiada calon dibenarkan untuk menyerahkan disertasinya untuk peperiksaan semula lebih daripada sekali.

(f) Calon yang dikehendaki menyerahkan disertasinya untuk peperiksaan semula hendaklah meneruskan pendaftarannya sebagai calon dan membayar yuran pendaftaran berkenaan.

Penilaian Peperiksaan Program Pengajian Secara Kursus Dan Penyelidikan

35. (1) Penilaian peperiksaan untuk komponen kursus bagi ijazah Sarjana secara Kursus dan Penyelidikan hendaklah menggunakan peruntukan yang terkandung di bawah peraturan 32.

(2) Penilaian peperiksaan untuk komponen penyelidikan bagi program pengajian Ijazah secara Kursus dan Penyelidikan hendaklah seperti di peraturan 35 (3).

(3) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah setelah menimbang laporan pemeriksa, disertasi calon dan peperiksaan viva (jika ada), memutuskan dan memperakukan seperti berikut:

(a) Dianugerahkan Ijazah Sarjana dengan Cemerlang tertakluk kepada syarat yang ditetapkan seperti mana yang diperuntukkan dalam peraturan 50(3); atau

(b) Telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan Ijazah tanpa perlu membuat pembetulan; atau

(c) Telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan ijazah tertakluk kepada calon membuat pembetulan minor sepertimana yang disarankan oleh pemeriksa dalam tempoh tidak melebihi tiga bulan (3) dan disahkan oleh penyelia dan salah

seorang Pemeriksa Dalam yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa yang berkenaan; atau

(d) Dikehendaki untuk membuat kajian lanjut dan mengemukakan disertasinya untuk pemeriksaan semula dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan dari tarikh keputusan Senat; atau

(e) Tidak mencapai merit akademik dan diperakukan kepada Senat bahawa calon telah gagal dalam peperiksaan disertasi dan tidak dibenar menyerahkan disertasi untuk pemeriksaan semula.

(4) Pembedulan dan peperiksaan semula disertasi hendaklah seperti berikut:

(a) Calon yang dikehendaki membuat pembedulan minor menurut peruntukan subperenggan (3)(c) di atas hendaklah menyerahkan disertasinya sebelum tamat tempoh yang ditetapkan untuk membuat pembedulan tersebut. Sekiranya calon gagal berbuat demikian, beliau akan dianggap telah gagal dalam peperiksaan disertasinya melainkan dalam keadaan yang tertentu suatu tempoh lanjutan yang tidak melebihi sembilan (90) puluh hari kepada tempoh yang ditetapkan itu telah diluluskan oleh Dekan Fakulti.

(b) Calon yang dikehendaki menjalani kajian lanjut menurut peruntukan subperenggan (3)(d) di atas hendaklah menyerahkan disertasinya sebelum tamat tempoh yang ditetapkan untuk menjalani kajian lanjut tersebut. Sekiranya calon gagal berbuat demikian, beliau akan dianggap telah gagal dalam peperiksaan disertasinya melainkan suatu tempoh lanjutan kepada tempoh yang ditetapkan itu telah diluluskan oleh Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemeriksa. Bagi maksud perenggan ini, tempoh yang ditentukan akan bermula sehari selepas tamat tempoh kajian lanjut yang ditetapkan.

(c) Disertasi yang telah diserahkan untuk peperiksaan semula hendaklah dihantar kepada semua

pemeriksa yang berkenaan untuk diperiksa semula dan suatu laporan baru hendaklah disediakan oleh setiap pemeriksa dan diserahkan kepada Jawatankuasa Pemeriksa untuk dipertimbangkan.

(d) Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan hendaklah selepas menimbang laporan pemeriksa, disertasi calon dan peperiksaan viva (jika ada), memutus dan memperakukan sama ada disertasi calon dianugerahkan Lulus atau Gagal.

(e) Tertakluk kepada peruntukan subperenggan (3)(d) di atas tiada calon dibenarkan untuk menyerahkan disertasinya untuk peperiksaan semula lebih daripada sekali.

(f) Calon yang dikehendaki menyerahkan disertasinya untuk peperiksaan semula hendaklah meneruskan pendaftarannya sebagai calon dan membayar yuran pendaftaran berkenaan.

Kemasukan Sebagai Calon Peperiksaan

36. (1) Calon tidak dibenarkan mengambil sesuatu peperiksaan dalam mana-mana kursus atau menyerahkan disertasi untuk pemeriksaan bagi sesuatu program ijazah sarjana kecuali:

(a) Ia telah mendaftar sebagai calon untuk kursus atau kursus-kursus yang ditetapkan untuk program ijazah sarjana berkenaan semasa mengambil peperiksaan atau telah mendaftar sebagai calon untuk program ijazah sarjana berkenaan semasa menyerahkan disertasi untuk peperiksaan, mengikut yang mana berkenaan;

(b) Ia telah membayar yuran yang ditetapkan; dan

(c) Yang mana perlu, Dekan Fakulti telah mengesahkan bahawa calon telah mengikuti kursus atau kursus-kursus berkenaan yang disyaratkan dengan memuaskan.

Penarikan Diri Dari Peperiksaan

37. (1) Calon yang ingin menarik diri dari peperiksaan mana-mana kursus yang beliau telah mendaftar dalam sesuatu semester hendaklah memberi notis bertulis kepada Dekan Fakulti selewat lewatnya dua (2) minggu sebelum mulanya tempoh peperiksaan yang dijadualkan dalam sesuatu semester dengan memberi sebab sebab untuk penarikan diri itu.
- (2) Calon tidak dibenarkan menarik diri dari peperiksaan mana-mana kursus apabila tempoh peperiksaan yang ditetapkan pada semester berkenaan telah bermula kecuali dibenarkan oleh Dekan Fakulti atas alasan luar biasa yang disokong dengan bukti dokumentasi.
- (3) Calon tidak boleh menarik diri daripada sesuatu pemeriksaan disertasi apabila disertasi telah diserahkan untuk peperiksaan.
- (4) Apabila calon telah menarik diri dari peperiksaan semua kursus yang beliau telah mendaftar dalam sesuatu semester, semester itu hendaklah dikira sebagai sebahagian dari tempoh maksimum pencalonannya. Senat atas perakuan Fakulti boleh meluluskan, atas alasan luar biasa yang dikemukakan oleh calon, bahawa semester berkenaan tidak dikira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonan calon itu.

Ketidakhadiran Dalam Peperiksaan Secara **Kursus/Kursus Klinikal**

38. (1) Calon yang telah mendaftar dan mengikuti sesuatu kursus hendaklah mengambil semua peperiksaan yang ditetapkan untuk kursus itu selagi calon tidak menarik diri daripada peperiksaan berkenaan.
- (2) Calon yang tidak mengambil sepenuh atau sebahagian sesuatu kursus hendaklah memberitahu Dekan Fakulti di mana beliau mendaftar untuk program ijazah sarjana berkenaan secara bertulis dengan memberi sebab tentang ketidakhadirannya. Surat itu hendaklah dihantar dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh peperiksaan untuk kursus berkenaan dan hendaklah disertakan bersama dengan—

(a) laporan perubatan daripada pegawai perubatan berdaftar sekiranya ketidakhadiran dari peperiksaan kursus itu adalah atas alasan perubatan; atau

(b) laporan daripada pegawai daerah atau pegawai polis atau pegawai kerajaan berkenaan sekiranya ketidakhadiran peperiksaan untuk kursus berkenaan adalah atas alasan perikemanusiaan.

(3) Surat calon bersama dengan laporan seperti mana yang dinyatakan dalam perenggan 2(a) dan (b) di atas hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah mengesyorkan sama ada calon diberi Gred I atau Gred F atau peperiksaan khas bagi kursus berkenaan.

(4) Jawatankuasa Pemeriksa tidak boleh dalam apa jua keadaan, menimbang apa-apa permintaan calon yang telah tidak menduduki peperiksaan untuk sesuatu kursus apabila Jawatankuasa Pemeriksa telah bermesyuarat untuk menentukan keputusan peperiksaan bagi kursus itu.

(5) Calon yang jatuh sakit semasa menduduki peperiksaan hendaklah melaporkan kepada ketua pengawas atau mana-mana pengawas yang hendaklah menguruskan supaya calon itu diperiksa dengan serta-merta oleh Doktor Kesihatan Pelajar Universiti atau Pusat Perubatan Universiti Malaya atau Hospital Kerajaan. Laporan doktor serta laporan ketua pengawas atau pengawas mengenai kejadian tersebut, hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tujuh (7) hari dari tarikh kertas peperiksaan berkenaan.

(6) Calon yang tidak mengambil sepenuh atau sebahagian peperiksaan sesuatu kursus yang didaftar tanpa sebab yang boleh diterima oleh Jawatankuasa Pemeriksa akan diberi markah sifar (0) bagi sepenuh atau sebahagian kursus itu.

(7) Sekiranya calon dikehendaki oleh pemeriksa atau Dekan Fakulti untuk menyerahkan tugas atau sebarang kerja bertulis bagi sesuatu kursus dalam satu tempoh yang ditetapkan dan calon gagal berbuat demikian, beliau dianggap sebagai telah

gagal dalam tugas atau kerja bertulis itu melainkan pemeriksa atau Dekan Fakulti membenarkan tempoh lanjutan untuk penyerahan tugas atau kerja bertulis itu.

Pengendalian Peperiksaan Secara Kursus/Kursus Klinikal

39. (a) Pengawas peperiksaan

Pengawas peperiksaan hendaklah dilantik bagi setiap peperiksaan dan adalah bertanggungjawab kepada Naib Canselor.

(b) Arahan am peperiksaan

Arahan am peperiksaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Bahagian Akademik. Setiap peperiksaan yang dijalankan oleh Universiti adalah tertakluk kepada arahan Am peperiksaan seperti yang dinyatakan di Jadual A kepada Peraturan ini.

(c) Sakit semasa menduduki peperiksaan

Calon yang jatuh sakit semasa menduduki peperiksaan hendaklah melaporkan kepada ketua pengawas peperiksaan atau mana-mana pengawas yang harus menguruskan supaya calon itu diperiksa dengan serta merta oleh Doktor Perkhidmatan Klinik Kesihatan Pelajar Universiti. Calon dikehendaki mengemukakan laporan Doktor berkenaan dan/atau sijil cuti sakit kepada Dekan Fakulti program pengajiannya tidak lewat daripada tujuh hari dari tarikh pemeriksaan oleh Doktor tersebut.

(d) Keputusan peperiksaan

(i) Bagi maksud Peraturan ini, keputusan bagi semua peperiksaan Universiti hendaklah dilaporkan untuk kelulusan Senat atau mana-mana pihak yang diturunkan kuasa oleh Senat.

(ii) Tarikh pengumuman rasmi adalah tarikh di mana keputusan peperiksaan dimaklumkan kepada calon oleh Seksyen Peperiksaan mengikut apa-apa kaedah dan/atau saluran yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

Kerahsiaan Urusan Peperiksaan

40. (1) Semua urusan yang berkaitan dengan peperiksaan termasuk pelantikan pemeriksa, laporan pemeriksa dan markah peperiksaan adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali dengan kebenaran.
- (2) Semua pihak yang terlibat dalam urusan peperiksaan adalah diwajibkan menandatangani surat perakuan peperiksaan pada setiap kali peperiksaan diadakan.

BAHAGIAN IX RAYUAN

Rayuan Untuk Semakan Semula Keputusan Peperiksaan Secara Kursus/Kursus Klinikal

41. (1) Calon yang tidak berpuashati dengan keputusan peperiksaannya boleh merayu untuk semakan semula keputusan peperiksaan. Rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Bagi maksud perenggan ini, "tarikh pengumuman rasmi" adalah tarikh di mana keputusan peperiksaan dimaklumkan kepada calon oleh Institut Pengajian Siswazah mengikut apa-apa kaedah atau saluran yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Satu bayaran atas kadar yang ditetapkan hendaklah dikenakan bagi memproses rayuan untuk semakan semula keputusan peperiksaan. Bayaran itu tidak akan dikembalikan sama ada rayuan berjaya atau tidak.
- (3) Rayuan hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan yang boleh didapati dari Institut Pengajian Siswazah atau pusat lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti atau Fakulti berkenaan. Borang yang telah diisi hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti bersama dengan salinan resit yang menunjukkan bayaran untuk rayuan itu telah dibuat.
- (4) Borang rayuan tidak akan diterima sekiranya ia—

- (a) dikemukakan selepas tempoh yang dinyatakan di dalam subperaturan (1);
- (b) tidak lengkap; atau
- (c) dikemukakan tanpa resit bayaran.

(5) Apabila sesuatu rayuan diterima, Fakulti hendaklah meminta pemeriksa asal kursus berkenaan untuk menyemak semula skrip jawapan tersebut. Dalam keadaan tertentu, Dekan Fakulti diberi budi bicara untuk melantik pemeriksa baru jika perlu. Pemeriksa asal dan pemeriksa baru, di mana berkenaan, hendaklah melaporkan hasil semakan semula kepada Jawatankuasa Rayuan Fakulti yang kemudiannya akan mempertimbangkan sama ada markah/gred calon yang merayu tersebut dikekalkan atau dipinda.

(6) Sekiranya terdapat perubahan markah dan gred Jawatankuasa Rayuan di peringkat Fakulti akan membuat perakuan kepada Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan. Jawatankuasa Pemeriksa akan membuat keputusan sama ada menerima atau menolak perakuan tersebut. Jawatankuasa Rayuan di peringkat Fakulti berkenaan adalah dianggotai oleh:

- (a) Dekan Fakulti sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi ijazah tinggi;
- (c) Ketua jabatan berkenaan; dan
- (d) Pemeriksa berkenaan

(7) Jawatankuasa Pemeriksa akan memaklumkan keputusan rayuan kepada mesyuarat Fakulti dan Institut Pengajian Siswazah.

(8) Sekiranya Dekan Fakulti atas apa-apa sebab tidak dapat menjalankan kewajibannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Fakulti, Timbalan Dekan yang bertanggungjawab untuk program pascasiswazah boleh menjalankan kewajipan Dekan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Fakulti tersebut.

Rayuan Untuk Semakan Semula Keputusan Peperiksaan Disertasi

42. (1) Calon yang tidak berpuashati dengan keputusan peperiksaan disertasinya boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Dekan Fakulti yang akan memajukan rayuan tersebut kepada Jawatankuasa Khas senat untuk pertimbangan. Sebarang rayuan hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat pemberitahuan keputusan peperiksaannya.
- (2) Perakuan Jawatankuasa rayuan akan dikemukakan kepada senat untuk kelulusan.
- (3) Jawatankuasa khas senat hendaklah terdiri daripada Dekan Institut Pengajian Siswazah dan dua (2) orang ahli senat yang terdiri daripada bidang sains dan sastera.
- (4) Calon program pengajian Ijazah secara Kursus dan Penyelidikan yang tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan bagi komponen kursus boleh merayu untuk semakan semula keputusan peperiksaannya seperti yang diperuntukkan dalam peraturan 41 dan bagi komponen penyelidikan seperti yang diperuntukkan dalam peraturan 42 di atas.

Rayuan Calon yang Gagal Keluar dari Peperiksaan Kursus dan Kursus Klinikal

43. (1) Calon yang telah gagal keluar dari peperiksaan kursus dan kursus klinikal boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajian secara bertulis kepada Dekan Fakulti yang berkenaan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh pemberitahuan keputusan peperiksaannya. Rayuan calon tidak akan dipertimbangkan sekiranya melebihi tempoh yang dinyatakan.
- (2) Rayuan calon akan dikaji dan dipertimbangkan oleh Fakulti. Fakulti akan mengemukakan perakuan ke Senat untuk kelulusan.

(3) Tertakluk kepada peraturan (1) di atas, rayuan calon yang pernah dipertimbangkan tidak akan dipertimbangkan semula.

Rayuan Untuk Mengaktifkan Pencalonan

44. (1) Calon yang luput pencalonannya kerana gagal memperbaharui pencalonan, boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajiannya. Rayuan hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan yang boleh didapati dari Institut Pengajian Siswazah Universiti atau pusat lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti atau Fakulti.

(2) Kelulusan untuk mengaktifkan pencalonan hanya boleh diberi sekiranya tempoh peluputan pencalonannya tidak melebihi dua semester pada satu-satu masa, tertakluk kepada baki tempoh pencalonan yang masih ada. Calon yang rayuannya diluluskan perlu membayar denda mengikut kadar yang ditetapkan oleh Universiti.

(3) Permohonan untuk mengaktifkan pencalonan yang telah luput melebihi 2 semester berturut-turut hendaklah dikemukakan kepada **Dekan Insititut Pengajian Siswazah** berkenaan untuk pertimbangan.

Rayuan Untuk Melanjutkan Tempoh Maksimum Pencalonan

45. (1) Calon yang hampir tamat tempoh maksimum pencalonan tetapi masih memerlukan masa untuk menyiapkan disertasi, boleh mengemukakan rayuan untuk melanjutkan tempoh maksimum pencalonannya. Rayuan tersebut perlu dibuat pada semester terakhir sebelum pencalonan tamat dan hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan yang boleh didapati dari Institut Pengajian Siswazah Universiti atau pusat lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti atau Fakulti.

(2) Pelanjutan tempoh maksimum pencalonan boleh diberi untuk satu semester sahaja pada satu-satu masa. Walau apapun peruntukan subperaturan ini, tempoh pelanjutan maksimum yang boleh diluluskan untuk seseorang calon hendaklah tidak melebihi dua semester.

- (3) Permohonan untuk melanjutkan tempoh maksimum pencalonan yang melebihi 2 semester hendaklah dikemukakan kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah berkenaan untuk pertimbangan.

BAHAGIAN X PENGIJAZAHAN

Program Pengajian Secara Kursus

46. (1) Calon perlu memenuhi keperluan berikut untuk tujuan pengijazahan bagi program pengajian secara Kursus:
- (a) Mencapai PNGK terakhir 3.0 dan ke atas;
 - (b) Menyempurnakan bilangan kredit seperti mana yang ditetapkan untuk program ijazah Sarjananya;
 - (c) Memenuhi keperluan Fakulti jika ada, mengenai kursus yang perlu lulus dengan sekurang-kurangnya dengan gred B; dan
 - (d) Memenuhi keperluan bahasa seperti mana yang ditetapkan untuk program ijazah Sarjananya.
- (2) Daripada jumlah kredit yang diperlukan untuk pengijazahan, sekurang-kurangnya dua pertiga ($2/3$) dari jumlah kredit yang diperolehi hendaklah dari kursus yang dijalankan oleh Universiti Malaya.

Program Pengajian Secara Kursus Klinikal

47. Calon hendaklah memenuhi keperluan berikut untuk tujuan pengijazahan bagi program pengajian secara kursus klinikal:
- (1) Lulus Peperiksaan yang ditetapkan untuk program ijazah Sarjana Secara Kursus Klinikal berkenaan;

(2) Memenuhi keperluan lain yang ditetapkan oleh Fakulti jika ada, untuk program ijazah Sarjana secara Kursus Klinikal berkenaan; dan

(3) Memenuhi keperluan bahasa jika ada, yang ditetapkan untuk program ijazah Sarjana secara Kursus Klinikal berkenaan.

Program Pengajian Secara Penyelidikan

48. Calon hendaklah memenuhi keperluan berikut untuk tujuan pengijazahan bagi program pengajian secara penyelidikan:

(1) Mencapai tahap Lulus dalam peperiksaan disertasinya;

(2) Jika ada atau diperlukan, lulus peperiksaan viva voce dan/atau ujian lain yang ditetapkan;

(3) Memenuhi keperluan lain yang ditetapkan oleh Fakulti untuk program ijazah Sarjananya;

(4) Memenuhi keperluan bahasa seperti mana yang ditetapkan untuk program ijazah Sarjananya.

(5) Memenuhi keperluan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

Program pengajian secara Kursus dan Penyelidikan

49. Calon hendaklah memenuhi keperluan yang ditetapkan untuk komponen kursus seperti mana yang diperuntukkan dalam peraturan 46 dan bagi komponen penyelidikan seperti mana yang diperuntukkan dalam peraturan 48. Calon yang tidak memenuhi mana-mana keperluan komponen adalah dianggap gagal keluar.

Penganugerahan Ijazah Dengan Cemerlang

50. (1) Program pengajian secara Kursus

Calon yang telah memenuhi keperluan pengijazahan seperti mana yang diperuntukkan dalam peraturan 46 boleh dianugerahkan ijazah Sarjana (Dengan Cemerlang) sekiranya ia-

- (a) telah mencapai PNGK terakhir 3.7 dan ke atas; dan
- (b) tidak pernah gagal bagi mana-mana kursus; dan
- (c) tidak pernah mengulang mana-mana kursus dengan tujuan mempertingkatkan gred bagi kursus itu sepanjang tempoh program ijazah Sarjananya; dan
- (d) telah menyempurnakan program pengajiannya dalam tempoh tidak melebihi empat (4) semester dari tarikh permulaan pendaftaran calon **kecuali bagi calon Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dalam tempoh tidak melebihi lima (5) semester.**

(2) Program pengajian secara Penyelidikan

Calon layak dianugerahkan Ijazah Sarjana dengan Cemerlang sekiranya-

- (a) **diperakukan cemerlang oleh Jawatankuasa Pemeriksa; dan**
- (b) telah disempurnakan dan diserahkan oleh calon untuk peperiksaan dalam tempoh tidak melebihi **lima (5) semester** dari tarikh permulaan pendaftaran calon; dan
- (c) tidak pernah diserahkan untuk peperiksaan semula menurut perenggan **34(1)(g)(v);**

(3) Program pengajian secara Kursus dan Penyelidikan

Calon layak dianugerahkan Ijazah Sarjana dengan Cemerlang sekiranya-

- (a) telah mencapai PNGK terakhir 3.7 dan ke atas; dan**
- (b) tidak pernah gagal bagi mana-mana kursus; dan**
- (c) tidak pernah mengulang mana-mana kursus dengan tujuan mempertingkatkan gred bagi kursus itu sepanjang tempoh program ijazah Sarjananya; dan**

- (d) Disertasi diperakukan cemerlang oleh Jawatankuasa Pemeriksa; dan
- (e) telah menyempurnakan pengajian dalam tempoh tidak melebihi lima (5) semester dari tarikh permulaan pendaftaran calon; dan
- (f) tidak pernah diserahkan untuk peperiksaan semula menurut perenggan 35(3)(d);

(4) Program Pengajian Secara Kursus Klinikal

Calon yang telah memenuhi keperluan pengijazahan sepertimana yang diperuntukan dalam peraturan 49 boleh dianugerahkan ijazah Sarjana (Dengan Cemerlang) sekiranya ia telah memenuhi keperluan yang ditetapkan untuk program ijazah Sarjana secara Kursus Klinikal berkenaan.

BAHAGIAN XI KEMASUKAN SEMULA KE PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH

Kemasukan Semula Ke Program Pengajian Ijazah

51. (1) Calon yang telah menarik diri dari program pengajian ijazahnya boleh memohon untuk dipertimbangkan masuk semula ke program pengajian ijazah terdahulu atau mana-mana program pengajian ijazah tinggi lain di Universiti.
- (2) Calon yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana secara penyelidikan atau kursus dan penyelidikan yang telah luput pencalonannya kerana gagal memperbaharui pencalonan atau telah melampaui tempoh maksimum pencalonan boleh memohon untuk dipertimbangkan masuk semula ke program pengajian ijazah tertakluk kepada syarat ia hendaklah mengikuti pengajian dalam bidang yang berlainan dan diselia oleh penyelia yang berlainan.
- (3) Calon yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana secara kursus yang telah luput pencalonannya kerana gagal memperbaharui pencalonan atau telah melampaui tempoh

maksimum pencalonan boleh memohon untuk dipertimbangkan masuk semula ke program pengajian ijazah tertakluk kepada syarat ia hendaklah mengikuti program pengajian yang berlainan.

(4) Calon yang ditamatkan pengajian kerana gagal dalam peperiksaan atau atas alasan selain daripada gagal dalam peperiksaan boleh diterima masuk semula ke program pengajian **ijazah yang berlainan**.

BAHAGIAN XII AM

Kuasa Senat

52. Senat mempunyai kuasa untuk membuat, membatalkan atau meminda mana-mana peraturan yang menguasai program pengajian ijazah sepertimana yang diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan ini. Mana-mana peraturan baru, pembatalan atau pindaan kepada peraturan-peraturan tersebut hendaklah diumumkan kepada calon sebelum mulanya sesi akademik calon berkenaan.

Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti

53. Setiap calon adalah tertakluk kepada semua peruntukkan yang dinyatakan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

Mengaudit Kursus

54. (1) Pelajar pemerhati boleh mendaftar untuk mengaudit mana-mana kursus setelah mendapat kelulusan pensyarah yang mengelola kursus tersebut dan Dekan Fakulti berkenaan.

(2) Tidak lebih dari satu (1) tahun kalendar jika ia menjalani penyelidikan atau tidak tidak lebih dari satu (1) sesi akademik jika ia mengikuti kursus; dan

(3) Jumlah kursus yang boleh diambil tidak boleh lebih daripada dua pertiga ($\frac{2}{3}$) jumlah kredit maksimum yang ditetapkan untuk calon program pengajian ijazah dalam sesuatu semester.

(4) Dekan Fakulti di mana pelajar tersebut mengaudit kursus hendaklah mengesahkan pelajar tersebut memenuhi syarat minimum lapan puluh (80%) peratus kehadiran untuk melayakkan calon diberi gred R bagi kursus yang diaudit dan dicatat dalam transkrip.

(5) Pelajar tersebut tidak diwajibkan menduduki peperiksaan bagi kursus berkenaan. Gred R akan dicatatkan di dalam transkrip.

JADUAL A

ARAHAN AM PEPERIKSAAN

1. ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN

(1) JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN

Calon perlu melihat dan meneliti:

(a) Tarikh, waktu dan tempat bagi peperiksaan kursus masing-masing seperti yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan;

(b) Waktu peperiksaan bermula seperti berikut:

	BAHAGIAN PAGI (1) :	JAM 8:30 (0830) PAGI
	BAHAGIAN PAGI (2) :	JAM 11:30 (1130) PAGI
	BAHAGIAN PETANG (3):	JAM 3:00 (1500)
PETANG		
MALAM	BAHAGIAN MALAM (4) :	JAM 8:15 (2015)

(c) Sebarang pindaan Jadual Waktu Peperiksaan (sekiranya ada) yang dipaparkan di sekitar dewan peperiksaan/Fakulti.

(2) KAD PENGENALAN/PASPOT DAN KAD PENDAFTARAN PELAJAR

Calon mestilah membawa bersama Kad Pengenalan/Pasport dan Kad Pendaftaran Pelajar. Calon yang tidak membawa Kad Pengenalan/Pasport dan Kad Pendaftaran Pelajar tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan sehingga kelayakan mereka mengambil peperiksaan dapat dikenalpasti.

(3) LARANGAN

Calon TIDAK DIBENARKAN-

(a) membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan atau membawa keluar dari dewan peperiksaan apa-apa buku, kertas, risalah, gambar atau apa-apa dokumen atau barangan lain kecuali barang/bahan yang dibenarkan oleh Pemeriksa/Ketua Pengawas/Pengawas;

(b) membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan beg, tas tangan, mesin kira (calculator) dan jam tangan yang berbunyi atau boleh diprogramkan, sarung mesin kira, bekas pensil. Atas sebab keselamatan, barang-barang bernilai seperti beg duit dan dompet boleh dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan tetapi diletakkan di bawah meja peperiksaan masing-masing;

(c) membawa masuk sebarang peralatan elektronik atau alat komunikasi termasuk music players (mp3 players dan iPod), kamus elektronik, telefon bimbit, dan personal digital assistant (PDA). Sekiranya terdapat calon yang membawa masuk peralatan berkenaan, maka calon diminta mematikan dan meletakkannya di bawah meja peperiksaan. Universiti tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan/kerosakan barangan yang diletak di luar dewan peperiksaan;

(d) masuk ke dewan peperiksaan sehinggalah Ketua Pengawas membuat pengumuman masuk. Calon bertanggungjawab duduk di tempat yang disediakan bagi kertas peperiksaan masing-masing;

(e) memakai apa-apa pakaian yang menutup muka, pakaian yang tidak sopan dan tidak sesuai dengan keadaan, selipar, topi, seluar pendek dan sarung tangan (kecuali pelajar perubatan di klinik dan makmal) di dewan peperiksaan;

(f) masuk ke dewan peperiksaan selepas 30 minit peperiksaan dimulakan. Calon yang lewat menghadiri peperiksaan tetapi tidak lewat daripada had tempoh 30 minit tersebut tidak akan diberi masa tambahan untuk peperiksaan kertas berkenaan;

(g) meninggalkan dewan peperiksaan dalam masa 30 minit pertama selepas peperiksaan dimulakan. Calon tidak boleh meninggalkan dewan peperiksaan dalam masa 15 minit sebelum peperiksaan berakhir;

(h) merokok dan makan di dalam dewan peperiksaan semasa peperiksaan dijalankan. Walau bagaimanapun, calon boleh membawa masuk air minuman kosong/mineral di dalam botol kecil yang lutsinar dan hendaklah diletakkan di bawah meja peperiksaan. Lain-lain jenis minuman adalah tidak dibenarkan sama sekali.

(4) ARAHAN KETIKA BERADA DI DALAM DEWAN PEPERIKSAAN

(a) Ketika berada dalam dewan peperiksaan, calon TIDAK BOLEH-

(i) menerima apa jua buku, kertas, risalah atau gambar atau apa-apa dokumen lain daripada sesiapaupun, kecuali barang/bahan yang dibenarkan oleh Pemeriksa/Ketua Pengawas/Pengawas;

(ii) berhubung di antara satu sama lain walau dengan apa juga cara sekalipun semasa peperiksaan dijalankan. Jika calon hendak bercakap dengan Ketua Pengawas/Pengawas, calon hendaklah mengangkat tangan;

(iii) keluar dari dewan peperiksaan untuk pergi ke tandas atau atas sebab-sebab tertentu tanpa kebenaran Ketua Pengawas/Pengawas. Jika calon hendak ke tandas, calon hendaklah mengangkat tangan.

(b) Setelah berada di tempat duduk, CALON MESTILAH-

(i) mengisi butir-butir kehadiran pada Slip Kehadiran dan meletakkannya bersama dengan Kad Pengenalan/ Paspot/Kad Pendaftaran Pelajar di penjuru kanan meja untuk dikutip oleh Pengawas. Calon diingatkan supaya mengambil balik Kad Pengenalan/Paspot/Kad Pendaftaran Pelajar dan Slip Menduduki Peperiksaan masing-masing setelah diperiksa.

(ii) menulis nombor pendaftaran pelajar serta nombor soalan sahaja pada buku jawapan. CALON DILARANG MENULIS NAMA ATAU SEBARANG NOTA KEPADA PEMERIKSA PADA BUKU JAWAPAN; dan

(iii) mematuhi segala arahan yang tercatat di muka hadapan kertas soalan dan buku jawapan. Semua rangka kasar jawapan hendaklah dibuat dalam buku jawapan sahaja. Calon dilarang mengoyakkan/memisahkan mana-mana bahagian kertas daripada buku jawapan.

(5) ARAHAN SELEPAS TAMAT PEPERIKSAAN

(a) Ketua Pengawas/Pengawas akan membuat pengumuman tentang tamatnya satu-satu peperiksaan. Setelah pengumuman ini dibuat semua CALON MESTILAH-

(i) berhenti menulis;

(ii) mengikat buku jawapan tambahan dan sebarang kertas jawapan tambahan (jika ada) kepada buku jawapan utama; dan

(iii) meletakkan buku jawapan di penjuru kanan meja peperiksaan masing-masing bagi membolehkan pengawas memungut buku jawapan tersebut.

(b) Semua buku jawapan sama ada yang telah dipakai ataupun tidak, mestilah ditinggalkan di dewan peperiksaan. Calon tidak sekali-kali dibenarkan membawa apa jua buku/kertas keluar dari dewan peperiksaan.

(c) Kertas soalan pelbagai pilihan (MCQ) tidak boleh dibawa keluar dari dewan peperiksaan (tertakluk kepada kebenaran pensyarah bagi kursus yang berkenaan sahaja).

2. PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN PEPERIKSAAN

(1) Jika Naib Canselor mempunyai sebab mempercayai bahawa keadaan atau isi mana-mana soalan peperiksaan atau kandungan mana-mana kertas soalan peperiksaan mungkin telah diketahui sebelum tarikh dan waktu peperiksaan yang sebenar oleh mana-mana orang selain daripada pemeriksa atau Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan atau Pendaftar atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pendaftar, Naib Canselor boleh memberi perintah penggantungan peperiksaan atau pembatalan kertas soalan peperiksaan dan menyediakan kertas soalan baru.

(2) Jika timbul satu-satu keadaan yang pada fikiran Ketua Pengawas Peperiksaan, menyebabkan perlu pembatalan atau penangguhan peperiksaan, ia hendaklah memberhentikan peperiksaan dan, dengan seberapa segera memungut kertas jawapan yang telah pun bertulis dan melaporkan perkara itu kepada Naib Canselor.

3. ADUAN MENGENAI PEPERIKSAAN

(1) Jika, pada pendapat Ketua Pengawas/Pengawas dalam waktu peperiksaan, timbul kejadian yang menjadikan peperiksaan tidak adil kepada mana-mana calon, ia hendaklah melaporkan perkara itu kepada Naib Canselor.

(2) Seseorang calon peperiksaan, guru atau mana-mana kakitangan Universiti boleh mengadu kepada Naib Canselor bahawa peperiksaan telah dijalankan secara tidak betul.

(3) Di mana sesuatu perkara telah diadakan kepada Naib Canselor menurut perenggan (1) dan (2) di atas, ia boleh mengambil satu tindakan seperti mana yang difikirkan sesuai olehnya, dan jika ia mengarahkan bahawa satu lagi peperiksaan patut diadakan, peperiksaan itu hendaklah dianggap sebagai peperiksaan yang ditetapkan di bawah mana-mana Kaedah atau Peraturan yang menguasai kursus yang berkaitan.

(4) Sebarang aduan oleh mana-mana guru Universiti bahawa peperiksaan telah dijalankan secara tidak betul atau bahawa peruntukan mana-mana Kaedah atau Peraturan yang berkaitan telah tidak dipatuhi, hendaklah dibuat kepada Naib Canselor dan Naib Canselor hendaklah menyiasat aduan itu dan melaporkan keputusan penyiasatannya kepada Senat. Senat pula boleh mengambil tindakan seperti yang difikirkannya sesuai.

4. TINDAKAN TATATERTIB KERANA KETIDAKPATUHAN ARAHAN AM PEPERIKSAAN

Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang melanggar mana-mana arahan yang dinyatakan di dalam Arahan Am Peperiksaan ini atau arahan tambahan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.